BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Kestabilan Kewangan

Separuh Kedua

2024

TKK

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua Tahun 2024 memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan untuk menguruskan risiko kepada kestabilan kewangan serta mengandungi rencana mengenai isu yang mendapat perhatian ramai.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data sehingga 31 Disember 2024 atau dinyatakan sebaliknya.

Kandungan

Sorotan Penting

Tinjauan Keseluruhan

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua Tahun 2024

Risiko Pasaran 7
Risiko Kredit 10
Risiko Operasi 21

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

Sektor Perbankan 27
Sektor Insurans dan Takaful 34
Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan 37
Rencana: Panduan Aplikasi Hajah dan Darurah dalam Kewangan Islam *43*
Rencana: Pelaksanaan Pendekatan Standard untuk Risiko Kredit: Semakan Utama di bawah Basel III dan Kesan Terhadap Bank-bank *46*
Rencana: Mengendalikan Peralihan Sektor Kewangan kepada Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan *51*

Tambahan

Sorotan Penting

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua Tahun 2024

Pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun terdapat beberapa episod volatiliti

Tekanan pasaran meningkat sedikit berikutan kebimbangan mengenai ketegangan dagangan global yang semakin meruncing dan gangguan inovasi kecerdasan buatan (AI)

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan

Tahap tekanan, % (Minimum=0, Maksimum=100)



Kesan limpahan kepada kestabilan kewangan domestik dijangka terkawal dengan sokongan ...

- Pasaran modal domestik yang kukuh dan mudah cair
- Permintaan berterusan terhadap bon kerajaan dalam pasaran utama
- Sistem perbankan yang kukuh dan berdaya tahan
- Prospek ekonomi yang menggalakkan dan pembaharuan struktur dalam negeri

Permodalan institusi kewangan kekal kukuh dengan penampan yang teguh untuk menyokong pengantaraan kewangan bagi ekonomi

Bank-bank terus mengekalkan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh

Bank-bank

- **18.3%** Nisbah Jumlah Modal *(Jun 2024: 18.5%)*
- **160.7%** Nisbah Perlindungan Mudah Tunai *(Jun 2024: 155.2%)*
- **116.3%** Nisbah Pendanaan Stabil Bersih *(Jun 2024: 115.5%)*

Kedudukan modal penanggung insurans dan pengendali takaful kekal kukuh

Insurans

- **224%** Nisbah Kecukupan Modal *(Jun 2024: 227%)*
- **RM41.1 billion** Lebihan Penampan Modal *(Jun 2024: RM37.4 bilion)*

Keupayaan bayaran balik hutang oleh isi rumah dan perniagaan terus terpelihara dengan sokongan kegiatan ekonomi yang mampan

Isi rumah kekal berdaya tahan dari segi kewangan berikutan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan

Isi Rumah

- **1.4x** Median Nisbah Hutang kepada Pendapatan *(Jun 2024: 1.4x)*
- **41%** Median Nisbah Khidmat Hutang Bagi Pinjaman Baharu *(2023: 40%)*
- **2.1x** Nisbah Aset Kewangan kepada Hutang *(Jun 2024: 2.1x)*
- **4.3%** Nisbah Pinjaman Tahap 2 *(Jun 2024: 4.4%)*

Perniagaan terus berdaya tahan meskipun tekanan kos meningkat

Perniagaan

- **6.4x** Nisbah Perlindungan Faedah *(Jun 2024: 5.7x)*
- **23.5%** Bahagian Syarikat yang Berisiko (Keseluruhan Perniagaan) *(Jun 2024: 27.7%)*
- **1.6x** Nisbah Tunai kepada Pinjaman Jangka Pendek *(Jun 2024: 1.4x)*
- **11.9%** Nisbah Pinjaman Tahap 2 *(Jun 2024: 12.4%)*

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Reuters dan S&P Capital IQ

Ujian tekanan terkini mengesahkan keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan yang teruk dan menyokong pertumbuhan ekonomi

Dua senario yang lebih teruk daripada Krisis Kewangan Dunia Tahun 2008 dan pandemik tahun 2020 digunakan untuk menilai daya tahan institusi kewangan

Keadaan Tekanan		
	Senario Buruk 1 : Penguncupan KDNK yang teruk disusuli pemulihan yang pantas	SB1
	Senario Buruk 2 : Penguncupan KDNK yang lebih sederhana tetapi berpanjangan disusuli pemulihan yang lembab	SB2

Risiko kredit kekal menjadi pendorong utama kerugian sistem perbankan



Agregat nisbah modal selepas kejutan[4] kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan bagi bank-bank dan penanggung insurans



Rencana: Pelaksanaan Pendekatan Seragam untuk Risiko Kredit (SA) – Semakan Penting di bawah Basel III dan Kesan terhadap Bank-bank

Semakan SA mengukuhkan penampan modal yang dipegang oleh bank-bank untuk menghadapi kejutan melalui dua cara:

1 Meningkatkan kepekaan risiko dan kemantapan SA dalam pengiraan modal

Memperkenalkan kelas aset baharu untuk dedahan korporat dan harta tanah dengan pengelasan aset dan wajaran risiko yang lebih terperinci

- ✓ Mencerminkan ciri asas dan profil risiko dedahan dengan lebih tepat
- ✓ Mempertingkatkan perbandingan dengan pendekatan berasaskan penarafan dalaman untuk risiko kredit (IRB)

2 Meningkatkan kualiti dan kebolehpercayaan penarafan kredit yang digunakan dalam pengiraan modal

Memperkenalkan keperluan usaha wajar

- ✓ Keperluan pengurusan risiko untuk mengehadkan kebergantungan kepada penarafan kredit luaran

Jangkaan impak ke atas bank yang mengguna pakai SA bergantung pada portfolio pembiayaan dan profil risiko

	Portfolio Pembiayaan	Kesan terhadap Modal
Harta Tanah	Harta kediaman	▼[5]
	Harta tanah komersial	▼
	Pembelian tanah untuk pembangunan dan pembangunan harta tanah	▲
Korporat	Korporat	–
	Kewangan khusus tanpa penarafan	▲
	Korporat PKS	▼

▼ Berkurang ▲ Bertambah – Tidak Berubah

Pada peringkat industri, nisbah jumlah modal bank yang menggunakan SA dijangka meningkat sebanyak 25 mata asas[6]

u Unjuran

[1] Angka kerugian merupakan kerugian terkumpul daripada operasi dalam dan luar negeri.
[2] Risiko pasaran untuk bank termasuk kerugian penilaian semula ke atas bon yang dipegang dalam nilai saksama melalui portfolio pendapatan komprehensif lain (FVOCI).
[3] Nisbah pinjaman terjejas mencerminkan jumlah pinjaman terjejas bagi setiap segmen peminjam sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.
[4] Merujuk agregat nisbah modal selepas kejutan yang terendah sepanjang tempoh 3 tahun ujian tekanan.
[5] Andaian pertumbuhan nilai harta tanah kekal stabil.
[6] Berdasarkan hasil Kajian Impak Kuantitatif bagi kedudukan pada 31 Disember 2023.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan

Tinjauan Keseluruhan

Pasaran kewangan global mengalami volatiliti yang ketara menjelang akhir tahun 2024 dan keadaan ini dijangka berterusan pada tahun 2025. Situasi ini didorong oleh ketidakpastian yang berterusan mengenai dasar monetari dan perdagangan global serta perkembangan geopolitik. Tekanan pasaran domestik terus mencerminkan perkembangan luaran ini, dengan Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) kekal pada paras yang tinggi berbanding dengan separuh pertama tahun 2024. Walau bagaimanapun, keadaan kewangan domestik kekal teratur dengan pengantaraan aliran dua hala yang berkesan dalam pasaran bon dan ekuiti. Keadaan pendanaan terus disokong oleh mudah tunai yang kukuh dalam pasaran bon kerajaan dan spread kredit bon korporat yang semakin mengecil. Keadaan pasaran wang antara bank juga bertambah baik apabila permintaan pendanaan akhir tahun bermusim oleh bank-bank berkurangan. Dalam pasaran pertukaran asing (*foreign exchange,* FX), risiko kekal bergantung pada perkembangan global. Sejak awal tahun 2025, ringgit telah menambah nilai sebanyak 1.1% berbanding dengan dolar AS.[1] Prestasi ringgit akan terus disokong oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh di samping pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan daya saing dan potensi pertumbuhan negara.

Perniagaan disokong oleh keadaan permintaan dalam negeri dan luaran yang berterusan. Walau bagaimanapun, tekanan kos terus menjejaskan prestasi kewangan perniagaan dalam beberapa sektor. Berlatarkan keadaan ini, tahap penampan tunai yang kukuh terus menyokong keupayaan perniagaan secara keseluruhan untuk membayar balik hutang. Sejajar dengan hal ini, bahagian syarikat yang berisiko secara amnya menunjukkan penambahbaikan (Disember 2024: 23.5%; Jun 2024: 27.7%). Walaupun perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masih menghadapi sedikit risiko akibat cabaran kos yang berterusan, bahagian pinjaman PKS yang tertunggak terus menunjukkan penurunan. Kebanyakan PKS yang telah menamatkan program bantuan bayaran balik pinjaman terus mampu mengekalkan pembayaran balik hutang mereka. PKS juga didapati menunjukkan ketangkasan dalam menguruskan aliran tunai mereka seperti membuat rundingan semula dengan pembekal atau mengurangkan kebergantungan mereka pada barangan import. Penunjuk utama menunjukkan bahawa risiko kemerosotan kualiti kredit yang meluas dijangka terkawal. Bahagian pinjaman perniagaan dengan peningkatan risiko kredit (pinjaman Tahap 2) terus menurun semasa tempoh ini. Nisbah pinjaman perniagaan terjejas keseluruhan juga menurun kepada 3.1% daripada jumlah pinjaman perniagaan (Jun 2024: 3.5%). Prospek permintaan dalam negeri yang menggalakkan dan eksport yang mampan dijangka terus menyokong perniagaan dalam keadaan persekitaran operasi yang mencabar.

Daya tahan isi rumah terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Pertumbuhan hutang isi rumah secara keseluruhan didorong oleh pinjaman perumahan dan kereta, manakala peningkatan dalam pembiayaan tidak bercagar seperti pembiayaan peribadi dan kad kredit kekal sederhana. Risiko terhadap isi rumah daripada skim beli sekarang bayar kemudian (*buy now pay later*, BNPL) kekal terhad. Walaupun berkembang pada kadar yang lebih pesat, dedahan BNPL terkumpul kekal kecil pada 0.2% daripada jumlah hutang isi rumah dengan trend bayaran balik hutang yang stabil. Pemberian pinjaman oleh bank-bank terus disokong oleh piawaian pengunderaitan dan penilaian kemampuan pinjaman yang kukuh. Perkara ini menyokong keupayaan membayar balik hutang yang baik dalam kalangan isi rumah, dengan pertumbuhan kredit isi rumah hampir selari dengan tahap pendapatan. Median nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income*, DTI), iaitu ukuran leveraj peminjam, adalah stabil pada 1.4 kali. Kualiti peminjaman juga kekal utuh. Pinjaman isi rumah dengan risiko kredit yang lebih tinggi terus menurun kepada 4.3% daripada jumlah pinjaman isi rumah (Jun 2024: 4.4%). Sesetengah isi rumah yang mempunyai penampan kewangan yang rendah lebih terjejas dan mungkin menghadapi kesukaran yang lebih besar untuk membayar balik hutang mereka berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, peminjam sebegini masih hanya membentuk sebilangan kecil

[1] Data setakat 10 Mac 2025.

daripada peminjam isi rumah. Bantuan untuk peminjam tersebut juga kekal tersedia menerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan bank-bank. Yang ketara, bahagian peminjaman isi rumah di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman yang ditawarkan oleh bank-bank dan AKPK kekal rendah, iaitu 1.9% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Bank-bank terus mengekalkan penampan mudah tunai yang kukuh untuk mengekalkan daya tahan terhadap kejutan jangka pendek dan jangka panjang. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) agregat masing-masing berada pada 160.7% dan 116.3%. Keuntungan bank-bank terus disokong oleh pendapatan faedah yang lebih tinggi berikutan pertumbuhan pinjaman yang kukuh dan kadar peningkatan perbelanjaan faedah yang lebih perlahan. Meskipun kualiti aset bertambah baik, bank-bank kekal berhemat dalam amalan peruntukan mereka. Hal ini mencerminkan kewaspadaan bank-bank yang berterusan, terutamanya terhadap kemungkinan kesan cabaran kos kepada segmen peminjam berisiko tinggi dalam sektor isi rumah dan sektor perniagaan. Permodalan bank-bank kekal kukuh untuk menghadapi kejutan yang tidak dijangka, dengan nisbah jumlah modal sistem perbankan terus teguh pada 18.3% dan penampan modal sebanyak RM136.8 bilion, yakni jauh melebihi tahap minimum pengawalseliaan. Keadaan ini akan terus menyokong pengantaraan kewangan dalam ekonomi.

Sektor insurans dan takaful juga kekal berdaya tahan. Dana insurans hayat dan takaful keluarga merekodkan kerugian pengunderaitan yang lebih besar pada separuh kedua tahun 2024 berikutan pembayaran tuntutan perubatan yang tinggi. Keuntungan keseluruhan pada tahun 2024 disokong oleh prestasi pasaran ekuiti yang lebih kukuh pada tahun tersebut. Dalam menangani kenaikan premium polisi insurans/takaful perubatan dan kesihatan (*medical and health insurance/takaful*, MHIT), langkah-langkah interim telah dilaksanakan oleh industri insurans dan takaful untuk membantu individu yang terjejas. Pada jangka panjang, pembaharuan struktur untuk menangani punca utama inflasi perubatan adalah amat penting dalam memastikan kemampanan perniagaan MHIT dan akses yang berterusan bagi orang ramai kepada perlindungan daripada keperluan mengambil pembiayaan penjagaan kesihatan. Dalam sektor insurans dan takaful am, peningkatan keuntungan operasi disebabkan terutamanya oleh prestasi pengunderaitan yang lebih baik dalam segmen motor. Secara keseluruhan, sektor insurans dan takaful kekal disokong oleh kedudukan modal dan mudah tunai yang kukuh. Nisbah kecukupan modal agregat bagi penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) adalah sebanyak 224%, dengan lebihan penampan modal sebanyak RM41 bilion.

Ujian tekanan kesolvenan makro terkini yang dijalankan oleh BNM, yang menyertakan andaian risiko tambahan, terus mengesahkan bahawa institusi kewangan berdaya tahan untuk menghadapi kerugian yang tidak dijangka akibat kejutan makroekonomi dan kewangan yang serius. Ujian tekanan tersebut menunjukkan bahawa nisbah modal agregat selepas kejutan bagi bank (15.6%), penanggung insurans hayat (152%) dan penanggung insurans am (173%) kekal melebihi tahap minimum pengawalseliaan pada akhir tempoh tekanan.

Mengekalkan daya tahan siber dan operasi kekal sebagai fokus utama BNM dan institusi kewangan, terutamanya berikutan landskap ancaman siber yang berubah dengan pantas. Institusi kewangan terus melaburkan sumber yang besar untuk memastikan kawalan risiko yang mencukupi disediakan dan kekal berkesan dalam menguruskan risiko siber yang baharu. Bank-bank juga sedang membangunkan ujian kesinambungan perniagaan yang lebih mantap dan bersepadu bagi mengekalkan keupayaan mereka untuk memastikan ketersediaan perkhidmatan tanpa gangguan dalam persekitaran saling bergantung yang semakin kompleks.

Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua Tahun 2024

Risiko Pasaran	7
Risiko Kredit	10
Risiko Operasi	21

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua Tahun 2024

RISIKO PASARAN

Pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun terdapat beberapa episod volatiliti

Sejak Tinjauan Kestabilan Kewangan yang terakhir pada bulan Oktober 2024, bank-bank pusat utama telah meneruskan kitaran pelonggaran dasar monetari masing-masing berikutan inflasi global yang terus berkurang.[1] Meskipun keadaan kewangan pada peringkat global yang lebih longgar pada mulanya memberikan sokongan kepada pasaran kewangan global, volatiliti pasaran meningkat menjelang akhir tahun 2024. Peningkatan volatiliti ini dipacu oleh ketidakpastian dasar pentadbiran baharu Amerika Syarikat (AS), jangkaan pelabur terhadap kelonggaran dasar monetari di AS yang lebih perlahan dan peningkatan ketegangan geopolitik di rantau utama. Faktor-faktor ini dijangka terus menyumbang kepada peningkatan volatiliti dalam pasaran kewangan global pada tahun 2025.

Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada kesan perkembangan luaran ini. Tahap tekanan pasaran domestik, seperti yang diukur oleh Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI), telah meningkat pada separuh kedua tahun 2024 berbanding dengan separuh pertama tahun 2024 akibat daripada rintangan luaran ini (Rajah 1.1). Terkini pada tahun 2025, FMSI meningkat sedikit berikutan peningkatan volatiliti dalam pasaran pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) dan ekuiti. Situasi ini didorong oleh kebimbangan pasaran terhadap kemungkinan meningkatnya ketegangan perdagangan global dan potensi berlakunya perubahan besar dalam pembangunan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) dari China. Meskipun demikian, kesan limpahan terhadap kestabilan kewangan domestik dijangka terus dibendung secara keseluruhan. Keadaan pasaran domestik yang teratur akan terus mampan berikutan pasaran kewangan Malaysia yang mendalam dan cair serta sistem perbankan yang teguh, sekali gus menyediakan penampan yang mencukupi untuk menghadapi volatiliti global.

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2024, FBM KLCI meningkat sebanyak 12.9% berikutan prestasi ekonomi yang mampan, pendapatan korporat domestik yang kukuh dan kesan limpahan daripada pelaburan berkaitan pusat data. Sektor pembinaan (+60.7%), utiliti (+38.3%) dan harta tanah (+31.5%) merupakan sektor yang menunjukkan prestasi cemerlang pada tahun 2024. Sektor-sektor ini meraih manfaat yang ketara daripada sentimen pasaran yang positif terhadap ekuiti berkaitan dengan pelaburan dalam pusat data. Selain itu, pelaksanaan inisiatif pelaburan awam yang berterusan di bawah pelbagai pelan induk nasional turut menyumbang kepada prestasi yang jauh lebih baik bagi sektor harta tanah dan pembinaan. Meskipun FBM KLCI mencatatkan kenaikan yang ketara, pasaran ekuiti domestik mengalami aliran keluar bukan pemastautin berjumlah RM4.2 bilion pada tahun 2024 (2023: -RM2.3 bilion; purata 2015–19: -RM7 bilion) (Rajah 1.2). Sejajar dengan negara rakan serantau, trend ini sebahagian besarnya didorong oleh sentimen penghindaran risiko (*risk-off*) terhadap pasaran ekuiti di negara sedang pesat membangun, termasuk Malaysia, berikutan ketidaktentuan global yang ketara.

[1] Semua data dan penilaian dalam bahagian Risiko Pasaran adalah dari 1 Oktober 2024 hingga 28 Februari 2025, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Melangkah ke tahun 2025, pelabur bukan pemastautin kekal sebagai penjual bersih dalam pasaran ekuiti domestik (Januari–Februari 2025: -RM5.3 bilion). Hal ini menjadikan jumlah aliran keluar pelabur bukan pemastautin antara bulan Oktober 2024 hingga Februari 2025 sebanyak RM13 bilion (Oktober 2023–Februari 2024: aliran masuk bersih sebanyak RM1.6 bilion). Aliran keluar ini sebahagian besarnya diimbangi oleh sokongan daripada pelabur institusi domestik[2] dan runcit yang kekal sebagai pembeli bersih ekuiti domestik, dengan jumlah pembelian bersih sebanyak RM12.6 bilion sepanjang tempoh yang sama (Oktober 2023–Februari 2024: -RM1.1 bilion).

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg

Aliran pelabur bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan terus dipengaruhi sebahagian besarnya oleh faktor luaran.

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun secara relatifnya kekal stabil, dengan purata 3.8% antara bulan Oktober 2024 hingga Februari 2025, meskipun terdapat aliran keluar yang lebih tinggi daripada pelabur bukan pemastautin sebanyak RM13.9 bilion sepanjang tempoh itu (Oktober 2023–Februari 2024: -RM2.6 bilion; 2024: RM1.3 bilion) (Rajah 1.3). Aliran keluar ini berikutan kenaikan kadar hasil US Treasury (UST) 10 tahun, yang didorong oleh jangkaan pasaran terhadap penangguhan dan pengurangan kadar faedah yang lebih sedikit di AS di samping ketidakpastian global mengenai kemungkinan sekatan perdagangan. Kesannya, perbezaan kadar hasil antara MGS 10 tahun dengan UST 10 tahun meningkat kepada -41.5 mata asas pada akhir bulan Februari 2025 (akhir September 2024: -7 mata asas). Sepanjang tempoh ini, kadar hasil MGS terus kekal stabil dalam keadaan mudah tunai pasaran yang berterusan berikutan permintaan pelabur institusi domestik yang kekal kukuh (Oktober 2024–Februari 2025: pembelian bersih sebanyak RM41.2 bilion; Oktober 2023–Februari 2024: RM36.6 bilion; 2024: RM57.4 bilion). Hal ini juga dicerminkan oleh purata nisbah bida kepada perlindungan (*bid-to-cover ratio*) yang kukuh sebanyak 2.5 kali untuk bon kerajaan dalam pasaran utama (purata 2015–19: 2.3 kali).

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Kerajaan Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Kerajaan Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Keadaan pendanaan dalam pasaran bon sektor korporat kekal kondusif untuk pengumpulan dana, dengan sejumlah RM 37.6 bilion dikumpulkan antara bulan Oktober 2024 hingga Januari 2025 (Oktober 2023–Januari 2024: RM37.7 bilion). Spread kredit antara kertas bertaraf AAA 10 tahun dengan MGS 10 tahun terus mengecil kepada 16 mata asas secara puratanya sepanjang tempoh yang sama (purata 2024: 20 mata asas; purata 2023: 44.1 mata asas). Keadaan ini mencerminkan permintaan berterusan terhadap bon korporat oleh pelabur yang mencari hasil. Terbitan bon korporat kasar kekal mampan sepanjang tahun 2024, berjumlah RM121.6 bilion (2023: RM117 bilion). Terbitan kekal tertumpu pada kertas berkualiti tinggi, dengan kertas yang dijamin kerajaan (*government-guaranteed*, GG) dan kertas bertaraf AAA mencakupi lebih separuh daripada bon korporat terkumpul.

Jumlah mudah tunai sistem perbankan menurun pada separuh kedua tahun 2024, dalam julat antara RM89 bilion hingga RM108 bilion (ST1 2024: antara RM97 bilion hingga RM127 bilion) berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap wang tunai pada musim perayaan, khususnya

[2] Pelabur institusi domestik termasuk bank, institusi kewangan bukan bank (IKBB) serta penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO).

menjelang akhir tahun. Walau bagaimanapun, keadaan mudah tunai terus menyokong aktiviti pengantaraan kewangan. Hal ini disokong oleh operasi pemberian pinjaman repo berbalik semalaman oleh BNM bagi memastikan kadar semalaman kekal stabil. Kadar penanda aras iaitu Kadar Semalaman Malaysia (Malaysia Overnight Rate, MYOR) diurusniagakan antara 3.00% hingga 3.01%, manakala purata kadar antara bank semalaman (*average overnight interbank rate*, AOIR) adalah antara 3.00% hingga 3.05%, dan kedua-duanya diurusniagakan hampir selari dengan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) antara bulan Oktober 2024 hingga Februari 2025. Selain kemudahan repo berbalik 1 bulan dan 3 bulan yang sedia ada, BNM juga telah mula menawarkan kemudahan repo berbalik 7 hari secara harian sejak bulan September 2024, dengan saiz terbitan standard berjumlah RM2 bilion. Tempoh pinjaman yang lebih pendek memberikan lebih fleksibiliti kepada bank-bank untuk menguruskan profil tempoh matang pendanaan jangka pendek masing-masing. Kemudahan pemberian pinjaman repo berbalik BNM dilaksanakan secara lelongan, sekali gus memastikan transaksi dibuat mengikut kadar pasaran.

Dalam pasaran antara bank bagi pinjaman tidak bercagar, secara amnya kadar menunjukkan trend peningkatan antara bulan Oktober 2024 hingga Februari 2025. Khususnya, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) meningkat ke paras tertinggi 3.73% pada bulan Disember 2024, seiring dengan pergerakan kadar 3 bulan yang kurang diurusniagakan. Hal ini kerana bank-bank meningkatkan penampan untuk memenuhi permintaan bermusim untuk mudah tunai pada hujung tahun. Namun, kadar KLIBOR 3 bulan kembali menurun kepada 3.66% pada akhir bulan Februari. Tiada perubahan ketara pada kadar tidak bercagar 1 bulan yang lebih cair sepanjang tempoh tersebut, dengan kadar KLIBOR 1 bulan berada pada julat sekitar 3.27% hingga 3.29%. Sementara itu, dalam segmen pemberian pinjaman bercagar, jumlah dagangan meningkat sebanyak 64% pada tahun 2024 kepada RM280 bilion (2023: RM170 bilion). Keadaan ini didorong oleh peningkatan penyertaan dan minat bank tempatan untuk meminjam dan memberikan pinjaman dalam pasaran repo. Kadar antara bank bercagaran 3 bulan kekal stabil, dengan julat sekitar 3.37% hingga 3.52% (ST1 2024: 3.37%–3.52%). BNM terus memantau perkembangan yang akan mempengaruhi keadaan mudah tunai, dengan tumpuan khusus untuk mengekalkan paras mudah tunai domestik pada kadar yang sewajarnya bagi menyokong kecekapan pengantaraan dalam pasaran wang antara bank. Sebagaimana sebelum ini, BNM bersedia untuk menyediakan mudah tunai kepada bank menerusi kemudahan repo berbalik.

Bagi tahun 2024 secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 2.7% kepada 4.4722 berbanding dengan dolar AS. Prestasi positif ringgit ini didorong terutamanya oleh pelaksanaan pemotongan kadar faedah oleh Federal Reserve AS, tindakan terselaras antara pihak Kerajaan dengan BNM untuk menggalakkan penghantaran balik dan penukaran pendapatan dalam mata wang asing oleh entiti pemastautin, libat urus dengan pengeksport dan pengimport, serta prospek ekonomi Malaysia yang positif dan pembaharuan dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Mudah tunai terus bertambah baik, dengan jumlah dagangan dalam negeri harian dalam pasaran FX domestik meningkat kepada USD17.6 bilion pada tahun 2024 (2023: USD15.5 bilion). Walaupun purata volatiliti ringgit adalah lebih tinggi antara bulan Ogos hingga Disember 2024 pada 5.7%, purata ini lebih rendah daripada paras tertinggi sebelum ini (Disember 2022: 6.6%; Mac 2020: 8.1%). Sejak awal tahun sehingga kini,[3] nilai ringgit telah mengukuh sebanyak 1.1% berbanding dolar AS. Pada masa hadapan, pergerakan ringgit akan terus didorong sebahagian besarnya oleh perkembangan luaran. Meskipun pasaran kewangan mungkin mengalami episod volatiliti yang disebabkan oleh ketidaktentuan dasar global, prospek ekonomi Malaysia yang menggalakkan dan pembaharuan struktur dalam negeri, disokong oleh inisiatif yang berterusan untuk menggalakkan aliran, akan terus memberikan sokongan yang berkekalan kepada ringgit.

[3] Data setakat 10 Mac 2025.

RISIKO KREDIT

Perniagaan kekal berdaya tahan meskipun tekanan kos tinggi

Perniagaan terus berdaya tahan pada separuh kedua tahun 2024 disokong oleh permintaan dalam negeri yang mampan dan pertumbuhan permintaan luar negeri yang berterusan. Syarikat dalam sektor pembinaan mengalami peningkatan disebabkan oleh projek perindustrian dan perumahan baharu serta projek-projek infrastruktur berbilang tahun yang terus dilaksanakan. Syarikat berorientasikan eksport terus memperoleh manfaat daripada perdagangan global yang berkembang dan peningkatan kitaran teknologi. Perkembangan ini menyokong perolehan dan membantu perniagaan meningkatkan keupayaan membayar balik hutang seperti yang diukur oleh median nisbah perlindungan faedah[4] (*interest coverage ratio*, ICR) iaitu sebanyak 6.4 kali (Rajah 1.4). Seiring dengan itu, bahagian keseluruhan syarikat yang berisiko[5] bertambah baik kepada 23.5% (Jun 2024: 27.7%) (Rajah 1.5).

Rajah 1.4: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama



a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali.

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.5: Sektor Perniagaan – Syarikat yang Berisiko bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Margin operasi juga telah pulih dan melebihi paras sebelum pandemik meskipun perniagaan masih menghadapi tekanan kos. Secara agregat, syarikat terus melaporkan kos input agregat yang lebih tinggi seperti yang diukur oleh median nisbah kos barangan yang dijual[6] sebanyak 76.9% (Jun 2024: 75.8%; purata 2015–19: 75.9%). Meskipun ringgit secara relatif lebih kukuh berbanding setahun yang lalu dan kestabilan harga komoditi global membantu untuk mengimbangi sebahagian daripada tekanan ini, syarikat dalam sektor perkilangan, borong dan runcit serta hotel dan restoran berdepan dengan kos bahan, pekerja dan operasi yang lebih tinggi secara berlarutan. Selaras dengan hal ini, bahagian syarikat yang berisiko dalam sektor-sektor ini juga kekal tinggi. Pada masa hadapan, cabaran kos yang berterusan, ketidaktentuan berhubung dengan dasar perdagangan global serta perkembangan dasar dalam negeri boleh terus menjejaskan prestasi perniagaan lantas berpotensi menangguhkan penambahbaikan yang lebih mampan bagi syarikat yang berisiko. Walau bagaimanapun, keupayaan untuk membayar balik hutang, termasuk bagi syarikat dalam sektor yang masih menghadapi tekanan kos, terus disokong oleh penampan tunai yang kukuh dengan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek menghampiri atau melebihi paras yang pernah dicatatkan sebelum ini (Rajah 1.6).

[4] Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah ialah dua kali.
[5] Syarikat yang berisiko merujuk syarikat yang mempunyai nisbah perlindungan faedah di bawah paras ambang kehematan iaitu sebanyak dua kali.
[6] Nisbah kos barang yang dijual (*cost of goods sold*, COGS) dikira dengan membahagikan COGS syarikat dengan perolehannya. Nisbah yang lebih tinggi menunjukkan bahawa COGS membentuk bahagian perolehan yang lebih besar.

Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Nisbah Tunai kepada Hutang Jangka Pendek bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Kualiti kredit bagi pinjaman perniagaan terus bertambah baik pada separuh kedua tahun 2024, sekali gus mencerminkan peningkatan yang meluas merentas peminjam PKS dan bukan PKS. Nisbah kseluruhan pinjaman perniagaan terjejas menurun kepada 3.1% (Jun 2024: 3.5%) (Rajah 1.7) daripada jumlah pinjaman perniagaan. Penunjuk utama pinjaman dengan peningkatan ketara dalam risiko kredit (pinjaman Tahap 2) juga bertambah baik (Disember 2024: 11.9% daripada pinjaman perniagaan; Jun 2024: 12.4%). Meskipun begitu, masih terdapat beberapa risiko yang dihadapi oleh peminjam PKS berikutan kos tinggi yang berlarutan. PKS telah melaksanakan beberapa strategi untuk menguruskan aliran tunai masing-masing (rujuk rencana bertajuk "Strategi PKS untuk Mengharungi Persekitaran Kos yang Tinggi"). Keadaan ini memberikan tanda yang baik mengenai keupayaan syarikat untuk memenuhi obligasi semasa masing-masing termasuk membayar balik pinjaman. Selaras dengan keadaan ini, kebanyakan PKS kekal berdaya tahan dengan bahagian pinjaman PKS yang tertunggak[7] terus menurun kepada 1.6% (Jun 2024: 1.7%). Bahagian pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman juga terus menunjukkan trend penurunan kepada 4.2% daripada jumlah pinjaman PKS (Jun 2024: 4.7%), atau 0.7% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Sebahagian besar PKS yang telah keluar daripada bantuan bayaran balik pinjaman telah berjaya menyambung semula dan meneruskan bayaran balik pinjaman mereka tepat pada masanya. Pendaftaran baharu program penjadualan semula dan penstrukturan semula (*rescheduling and restructuring*, R&R) oleh bank-bank juga kekal rendah pada 0.2% daripada jumlah pinjaman PKS. Bilangan PKS yang baru berdaftar dengan skim bantuan bayaran balik (*repayment assistance scheme*, RAS) Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) terus meningkat sejak AKPK mengambil alih Skim Penyelesaian Hutang Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS) pada tahun 2020 (Rajah 1.8). Peningkatan ini berlaku sebahagiannya disebabkan oleh tahap kesedaran yang lebih tinggi tentang AKPK sebagai saluran alternatif untuk membantu peminjam yang mengalami tekanan kewangan untuk menguruskan hutang. Penunjuk-penunjuk lain juga tidak memberikan isyarat bahawa terdapat banyak peningkatan dalam bilangan PKS yang menghadapi tekanan kewangan. Hal ini disokong oleh kadar peningkatan yang lebih perlahan bagi pendaftaran baharu PKS dalam RAS AKPK. Bahagian hutang yang diuruskan di bawah skim-skim AKPK ini juga kekal sangat rendah iaitu sebanyak 0.1% daripada jumlah pinjaman PKS.

Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Nota: Data merujuk pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.8: Sektor Perniagaan – Permohonan Bantuan Bayaran Balik AKPK oleh PKS



Nota: Jumlah nilai permohonan Bantuan Bayaran Balik AKPK telah disemak semula berikutan penggunaan sistem yang mencerminkan keperluan pelaporan statistik terkini dengan pengumpulan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat.

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

[7] Merujuk pinjaman yang tertunggak untuk satu atau dua bulan, atau lewat antara 30 hingga 90 hari.

Strategi PKS untuk Mengharungi Persekitaran Kos yang Tinggi

BNM telah memperluas pengawasan serantau untuk merangkumi penilaian risiko kredit PKS pada separuh kedua tahun 2024. Libat urus secara langsung bersama PKS[8] telah diadakan menerusi Pejabat-pejabat Wilayah BNM untuk menilai secara masa nyata keadaan kewangan dan cabaran yang dihadapi oleh PKS.

Berdasarkan libat urus ini, kebanyakan PKS menyatakan kebimbangan berhubung dengan kos yang tinggi pada separuh kedua tahun 2024 meskipun mempunyai prospek pertumbuhan yang berdaya tahan. Persekitaran kos input yang lebih tinggi dijangka berterusan pada tahun 2025 (Rajah 1.9). Keadaan ini berpunca terutamanya daripada kenaikan harga komoditi global dan bahan mentah serta kos operasi yang semakin meningkat (contohnya, kos pekerja berikutan gaji minimum yang lebih tinggi dan kos utiliti susulan kenaikan tarif elektrik). Dalam jangka masa terdekat, sebahagian besar PKS merancang untuk mengekalkan harga supaya kekal berdaya saing dengan cara melaksanakan strategi alternatif untuk menangani tekanan kos (Gambar Rajah 1.1).

Rajah 1.9: Sektor Perniagaan – Tinjauan Kos Perniagaan PKS bagi Tahun 2025



Sumber: Sesi perbincangan antara Bank Negara Malaysia dan PKS

Gambar Rajah 1.1: Sektor Perniagaan – Strategi yang Diguna pakai oleh PKS dalam Menghadapi Situasi Kos yang Meningkat

Berunding dengan pembekal
Cth. Membeli secara pukal untuk mendapatkan harga & diskaun yang lebih baik, merunding terma pembayaran

Meningkatkan kecekapan
Cth. Mengautomasikan proses, menyediakan perkhidmatan pelanggan yang baik & meningkatkan tahap infrastruktur

Mengurangkan kos perniagaan
Cth. Mencari pembekal alternatif atau bahan mentah yang lebih murah, menggunakan strategi pemasaran dalam talian & mengurangkan kebergantungan pada barangan import

Menyesuaikan strategi penentuan harga
Cth. Menawarkan pakej dan tawaran berkelompok (*bundle*) mampu milik, meningkatkan kepelbagaian produk, meneroka produk baharu dan strategi penentuan harga berdasarkan jenis barangan

Sumber: Sesi perbincangan antara Bank Negara Malaysia dengan PKS

[8] Sebanyak 240 perniagaan PKS di seluruh negara menyertai libat urus sejak bulan Ogos 2024 hingga Januari 2025, mencakupi bidang prestasi dan cabaran perniagaan, akses kepada pembiayaan dan tingkah laku bayaran balik pinjaman oleh PKS.

Kualiti kredit peminjaman oleh syarikat korporat yang lebih besar pada amnya bertambah baik berikutan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Bagi syarikat tersenarai yang berada pada kedudukan 25 peratus teratas (mengikut saiz aset), median ICR melebihi paras ambang kehematan dengan selesa iaitu sebanyak 6.1 kali (Jun 2024: 5.6 kali). Kualiti penerbit bon korporat juga kekal kukuh dengan hanya enam penerbit (Jun 2024: lima penerbit), atau 0.9% daripada jumlah bon korporat domestik terkumpul yang diturunkan gred pada separuh kedua tahun 2024.

Pinjaman luar negeri syarikat korporat meningkat kepada RM588.3 bilion pada separuh kedua tahun 2024 (Jun 2024: RM569.1 bilion). Sekitar 60% daripada pinjaman luar negeri terdiri daripada dedahan risiko yang lebih rendah dalam bentuk pinjaman antara syarikat yang dikenakan terma fleksibel, dan kredit perdagangan. Risiko dikurangkan lagi oleh bahagian besar dedahan hutang luar negeri syarikat korporat (71%) yang mempunyai tempoh matang yang lebih panjang iaitu melebihi satu tahun, lantas mengurangkan risiko pelanjutan (*rollover risk*). Dedahan ini juga kekal

dilindungi dengan secukupnya oleh aset, dengan nisbah aset luar negeri syarikat korporat sebanyak satu kali hutang luar negeri syarikat korporat. Setakat akhir tahun 2024, hutang luar negeri berisiko[9] syarikat korporat berkurang kepada RM7.8 bilion (2023: RM9.2 bilion) iaitu bersamaan dengan hanya 1.3% daripada jumlah hutang luar negeri syarikat korporat. Selain itu, risiko daripada ketidakpadanan mata wang (*currency mismatch*) adalah terhad berikutan kebanyakan dedahan syarikat korporat besar yang dikawal oleh pelabur pemastautin dilindung nilai sama ada secara semula jadi atau secara kewangan. Bahagian pinjaman luar negeri bagi syarikat korporat besar yang dikawal oleh pelabur pemastautin, yang mungkin terdedah kepada volatiliti kadar pertukaran mata wang, kekal stabil pada 23% daripada jumlah hutang luar negeri syarikat korporat terbabit[10] atau bersamaan dengan 1.7% daripada jumlah hutang perniagaan. Tambahan pula, bilangan peminjam yang tidak dilindung nilai adalah kecil dan mempunyai pinjaman dalam negeri yang amat sedikit (kurang 0.6% daripada jumlah pinjaman perbankan dalam negeri), lantas mengehadkan penularan risiko terhadap kestabilan kewangan dalam negeri. Pada masa hadapan, ketidaktentuan global dan perkembangan geopolitik boleh meningkatkan risiko FX yang dihadapi oleh syarikat korporat apabila pasaran kewangan mengalami episod peningkatan volatiliti. Meskipun demikian, risiko dijangka kekal terkawal berdasarkan faktor pengurangan yang dinyatakan di atas.

Keadaan pembiayaan kekal menyokong keperluan perniagaan dengan perniagaan terus menggunakan gabungan sumber pendanaan yang stabil (Rajah 1.10). Pinjaman perniagaan meningkat sebanyak 5.1% (Jun 2024: 5.7%), didorong terutamanya oleh pinjaman berkaitan pelaburan berikutan keadaan ekonomi yang memberangsangkan. Selaras dengan perkembangan ini, terbitan bon korporat turut meningkat, lantas menyebabkan bon korporat terkumpul mengalami pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 3.3% (Jun 2024: 3.2%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh sektor pembinaan dan perkilangan untuk modal kerja dan pelaburan baharu, dengan syarikat mengambil peluang berikutan kos pinjaman yang lebih rendah dalam pasaran modal susulan kadar spread hasil bon yang lebih kecil.

Pada masa hadapan, risiko dijangka kekal terurus berikutan prospek permintaan dalam negeri dan eksport yang memberangsangkan meskipun terdapat kebimbangan yang berterusan mengenai keadaan operasi yang mencabar. Kebimbangan ini termasuk ketidaktentuan berhubung dengan ketegangan geopolitik dan dasar perdagangan antarabangsa, serta persekitaran kos yang tinggi, yang akan mempengaruhi prospek kewangan perniagaan dalam masa terdekat.

Ujian tekanan[11] yang dilaksanakan oleh BNM mengesahkan bahawa penampan modal bank-bank adalah mencukupi untuk menyerap potensi peningkatan kerugian kredit daripada sektor perniagaan di bawah senario tekanan buruk. Tambahan pula, SDRS dan mekanisme penyelesaian hutang korporat menerusi Akta Syarikat (Pindaan) 2024 terus menyediakan pilihan penstrukturan semula untuk syarikat yang mengalami tekanan kewangan tetapi masih berdaya maju.

Rajah 1.10: Sektor Perniagaan – Komposisi Hutang Mengikut Jenis



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[9] Hutang luar negeri berisiko syarikat korporat merujuk pinjaman luar pesisir yang diambil dan bon yang diterbitkan oleh peminjam korporat berisiko tinggi. Peminjam ini diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi apabila lebih 50% daripada jumlah dedahan pinjaman dalam negeri diklasifikasikan sebagai Tahap 2 dan Tahap 3.

[10] Hutang luar negeri syarikat korporat bagi syarikat korporat besar yang dikawal oleh pelabur pemastautin ini merangkumi pinjaman daripada entiti tidak berkaitan serta bon dan nota. Pinjaman ini tidak termasuk hutang luar negeri berisiko rendah seperti pinjaman antara syarikat yang lazimnya lebih fleksibel dan kredit perdagangan yang disokong oleh pendapatan eksport.

[11] Sila rujuk bahagian "Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan" untuk keterangan lanjut.

Pertumbuhan hutang isi rumah yang stabil, dengan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan kegiatan ekonomi yang bertambah baik menyokong daya tahan isi rumah

Agregat nisbah hutang isi rumah kepada KDNK meningkat sedikit kepada 84.2% (Rajah 1.11) apabila hutang isi rumah[12] terus berkembang pada kadar yang stabil sebanyak 5.9% (Rajah 1.12) pada separuh kedua tahun 2024, selaras dengan peningkatan berterusan dalam keadaan pasaran pekerja dan kegiatan ekonomi. Pertumbuhan hutang keseluruhan didorong terutamanya oleh pinjaman perumahan dan kereta, yang secara kolektif mencakupi 74.6% (Rajah 1.13) daripada hutang isi rumah. Pertumbuhan pinjaman perumahan disokong oleh aktiviti yang kukuh dalam pasaran harta kediaman berikutan langkah-langkah untuk menggalakkan pemilikan rumah. Insentif lanjut yang diumumkan dalam Belanjawan 2025[13] dijangka memberikan sokongan berterusan pada tahun 2025 (lihat Rencana tentang "Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah"). Sementara itu, pengambilan pinjaman kereta disokong oleh jualan kereta yang kukuh pada tahun 2024.[14]

Walaupun perbelanjaan isi rumah mampan pada separuh kedua tahun 2024, pengambilan pembiayaan tidak bercagar seperti pembiayaan peribadi dan hutang kad kredit secara relatif kekal stabil seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan tahun ke tahun masing-masing sebanyak 3.5% dan 8% setakat bulan Disember 2024 (Jun 2024: 3.3% dan 8.9%). Secara kolektif, bahagian pembiayaan peribadi dan hutang kad kredit secara amnya tidak berubah pada 15.3% (Jun 2024: 15.2%) daripada jumlah hutang isi rumah. Yang penting, peningkatan dalam pembiayaan peribadi dan hutang kad kredit adalah amat sedikit dalam kalangan segmen berpendapatan lebih rendah dan didorong terutamanya oleh peminjam berpendapatan lebih tinggi. Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan (Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI) terkini[15] menunjukkan bahawa meskipun isi rumah berpendapatan rendah lebih terjejas disebabkan oleh tekanan kos, kumpulan ini lebih cenderung untuk meminta pertolongan daripada keluarga atau menggunakan simpanan berbanding dengan meminjam daripada institusi kewangan, sekiranya berdepan dengan kejutan. Kajian yang lebih teliti terhadap indikator penggunaan kad kredit juga menunjukkan penurunan bahagian kredit pusingan. Bahagian baki kad kredit terkumpul yang tidak dibayar sepenuhnya apabila tempoh pembayaran tiba terus menurun (purata ST2 2024: 48.2%; purata ST1 2024: 49%), manakala bahagian pembayar berulang (*revolvers*)[16] sebagai sebahagian daripada jumlah pemegang kad kredit secara amnya kekal stabil (purata ST2 2024: 24%; purata ST1 2024: 24.2%).

Dua perkembangan penting dalam tempoh tersebut mewajarkan sikap terus berwaspada. Susulan pelaksanaan pelarasan kenaikan gaji penjawat awam, pengeluaran pembiayaan peribadi kepada peminjam penjawat awam telah meningkat sejak bulan Disember 2024. Pengeluaran pembiayaan peribadi bulanan kepada peminjam penjawat awam telah meningkat dengan ketara kepada purata RM6.4 bilion pada bulan Disember 2024 dan bulan Januari 2025 (purata bulanan 2023–24: RM3.6 bilion). Peningkatan ini mengatasi pengeluaran pembiayaan peribadi kepada peminjam lain yang berkembang lebih sederhana kepada purata RM4.5 bilion dalam tempoh yang sama (purata bulanan 2023–24: RM4.1 bilion). Bank-bank secara umumnya terus mematuhi standard pemberian pinjaman yang berhemat termasuk menjalankan penilaian kemampuan yang turut mengambil kira pendapatan boleh guna bersih minimum dan had nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR). Kedua, sindiket penipuan juga telah menyasarkan peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik, yang kebanyakannya terdiri daripada penjawat awam, untuk membiayai semula hutang sedia ada mereka. Pada masa yang sama, penipuan ini meningkatkan dedahan hutang mereka melalui janji palsu berhubung dengan pulangan lumayan daripada skim pelaburan yang meragukan. Setakat ini, kedua-dua perkembangan tersebut kekal terbendung dengan bank-bank meningkatkan kewaspadaan mereka semasa membuat penilaian kredit seiring dengan peningkatan usaha pendidikan kewangan. Standard pemberian

[12] Pinjaman yang diberikan oleh institusi perbankan dan institusi kewangan bukan bank.

[13] Insentif ini termasuk pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM7,000 untuk pembeli rumah kali pertama yang membeli harta tanah bawah RM500,000 dan pelepasan hingga RM5,000 untuk pembeli rumah kali pertama yang membeli harta tanah antara RM500,000 dan RM750,000. Pelepasan ini membenarkan tuntutan dibuat selama maksimum tiga tahun (iaitu pembayaran faedah pinjaman perumahan untuk tiga tahun pertama berturut-turut) bagi harta tanah yang dibeli antara bulan Januari 2025 dan bulan Disember 2027.

[14] Jualan kenderaan bermotor baharu melepasi 800,000 unit pada tahun 2024, didorong terutamanya oleh subsegmen kenderaan penumpang. Angka jualan yang kukuh turut disokong oleh ekonomi dalam negeri yang berdaya tahan dan kejayaan pelancaran model baharu (sumber: Persatuan Automotif Malaysia).

[15] Lihat Rencana mengenai "Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan 2024" dalam Laporan Tahunan BNM 2024 untuk maklumat lanjut.

[16] Merujuk pemegang kad kredit yang hanya membayar sebahagian daripada baki terkumpul yang tertunggak.

pinjaman yang kukuh yang dipatuhi oleh institusi perbankan terus penting untuk menyokong daya tahan isi rumah, terutamanya dalam kalangan peminjam lebih berisiko (*non-prime borrowers*)[17] dalam persekitaran kos sara hidup yang semakin meningkat.

Rajah 1.11: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Rajah 1.12: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Skim beli sekarang bayar kemudian[18] (*buy now pay later*, BNPL) terus menarik minat yang berterusan dalam kalangan pengguna. Walaupun aktiviti BNPL telah berkembang pesat, jumlah hutang terkumpul BNPL kekal sebagai sebahagian kecil daripada keseluruhan hutang isi rumah pada RM2.8 bilion iaitu bersamaan dengan 0.2% daripada jumlah hutang isi rumah setakat bulan Disember 2024. Pada separuh kedua tahun 2024, jumlah pembelian

Rajah 1.13: Sektor Isi Rumah – Komposisi Hutang Mengikut Tujuan



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

yang dibuat melalui BNPL dari segi jumlah transaksi dan nilai meningkat masing-masing kepada 83.8 juta transaksi dan RM7.1 bilion (ST1 2024: 62.2 juta transaksi dan RM4.9 bilion) (Rajah 1.14).[19] Setakat akhir bulan Disember 2024, bilangan pengguna aktif[20] mencecah 5.1 juta (Jun 2024: 4.3 juta). Penyedia BNPL juga diperhatikan menawarkan kemudahan untuk transaksi bernilai lebih tinggi di samping tempoh ansuran yang lebih lama hingga 24 bulan (berbanding dengan tempoh lazim antara satu hingga enam bulan sebelum ini). Walau bagaimanapun, risiko yang berkaitan dengan BNPL kekal terkawal. Tahap jumlah tertunggak BNPL[21] kekal rendah pada 2.9% daripada jumlah baki terkumpul BNPL dalam tempoh tersebut (Jun 2024: 2.6%). Penyedia BNPL juga terus menerapkan amalan yang bertujuan untuk mengurangkan kebimbangan terhadap risiko yang lebih meluas daripada peminjam yang menghadapi kesukaran kewangan. Hal ini termasuk memberikan kredit yang lebih rendah kepada pengguna baharu, menggantung kemudahan dengan serta-merta apabila terdapat bayaran yang terlewat bayar dan menguruskan had kredit secara proaktif bagi pengguna yang dijangka menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran balik. Tambahan pula, enakmen Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act, CCA) pada tahun 2025 akan membolehkan penubuhan Suruhanjaya

[17] Merujuk peminjam yang kurang kemampuan kredit, termasuk individu yang mempunyai rekod bayaran balik pinjaman yang tidak mengikut jadual.
[18] Semua angka BNPL merujuk transaksi oleh para pengguna dengan penyedia BNPL bukan bank sahaja.
[19] Transaksi ini merentas pelbagai sektor perniagaan yang berbeza, seperti runcit, makanan dan restoran, perkhidmatan profesional dan komersial, serta pengangkutan.
[20] Merujuk pemegang akaun BNPL yang mempunyai sekurang-kurangnya satu transaksi BNPL untuk tempoh 12 bulan yang lalu. Pengguna kredit mungkin memiliki pelbagai akaun BNPL dengan penyedia yang berbeza.
[21] Merujuk akaun BNPL yang tertunggak selama satu hari atau lebih.

Kredit Pengguna untuk mengawal selia dan menyelia penyedia kredit bukan bank serta penyedia perkhidmatan kredit yang pada masa ini tidak dikawal selia, termasuk perniagaan yang menawarkan skim BNPL. Langkah ini akan mengukuhkan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan untuk perlindungan pengguna kredit.

Rajah 1.14: Sektor Isi Rumah – Nilai dan Bilangan Transaksi bagi Skim Beli Sekarang Bayar Kemudian (BNPL)



Nota: Data merujuk transaksi BNPL dengan penyedia bukan bank.
Sumber: Pasukan Petugas Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna

Pemberian pinjaman kepada isi rumah terus disokong oleh piawaian pengunderaitan kredit yang kukuh. Keberhutangan keseluruhan isi rumah terus selari dengan tahap pendapatan apabila median nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income ratio*, DTI) (ukuran leveraj peminjam) kekal stabil merentas peminjam pada 1.4 kali pada tahun 2024 (Jun 2024: 1.4 kali; Disember 2023: 1.4 kali). Keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam, seperti yang diukur oleh DSR juga kekal utuh. Tambahan pula, tiada bukti kukuh yang menunjukkan peminjam meminjam melebihi kemampuan kewangan mereka untuk mengambil kredit baharu. DSR median[22] peminjam dengan pinjaman yang baru diluluskan dan pinjaman terkumpul kekal stabil masing-masing pada 41% dan 34% pada tahun 2024 (2023: 40% dan 34%), lantas menyediakan penampan yang mencukupi untuk isi rumah membayar balik pinjaman masing-masing (Rajah 1.15). Bahagian peminjam yang dianggap lebih berisiko[23] kekal kecil, mencakupi 6.5% daripada jumlah peminjam isi rumah (Jun 2024: 6.1%). Pinjaman terjejas dalam kalangan peminjam ini kekal rendah pada 1% daripada jumlah dedahan mereka (Jun 2024: 1.2%).

Kedudukan kewangan isi rumah kekal kukuh. Secara agregat, aset kewangan isi rumah kekal melebihi hutang sebanyak 2.1 kali, sekali gus memberikan penampan yang teguh kepada isi rumah terhadap kejutan buruk. Selaras dengan keadaan guna tenaga dan pendapatan yang bertambah baik, aset kewangan isi rumah berkembang kukuh (8.7%; Jun 2024: 8.6%; purata 2015–19: 6.1%) (Rajah 1.16) didorong oleh (i) simpanan yang lebih tinggi dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan deposit dan (ii) penilaian pemegangan ekuiti domestik yang lebih baik dalam keadaan prestasi pasaran Bursa Malaysia yang menggalakkan pada tahun 2024. Secara kolektif, simpanan dalam KWSP dan deposit mencakupi sebanyak 67.6% daripada jumlah aset kewangan. Pertumbuhan simpanan KWSP juga disokong oleh caruman sukarela yang lebih tinggi oleh ahlinya termasuk melalui skim i-Saraan.[24] Walaupun pelaksanaan Akaun Fleksibel membolehkan ahli KWSP mengeluarkan simpanan untuk keperluan jangka pendek mereka, hanya 31% daripada jumlah ahli yang layak dilaporkan telah menggunakan kemudahan ini.[25] Sementara itu, penyertaan runcit dalam pasaran ekuiti domestik telah kembali ke paras sebelum pandemik pada 19% pada separuh kedua tahun 2024 (ST1 2024: 22%; purata 2015–19: 19.3%). Keadaan ini akan mengurangkan kesan daripada pergerakan harga ekuiti terhadap kedudukan kewangan isi rumah. Seperti yang diperhatikan sebelum ini, pinjaman untuk pembelian sekuriti tersenarai juga kekal kecil pada 0.5% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Jun 2024: 0.5%).

Rajah 1.15: Sektor Isi Rumah – Median Nisbah Khidmat Hutang Peminjam yang Mendapatkan Pinjaman Baharu dan Mempunyai Pinjaman Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

[22] Mulai bulan Jun 2024, angka DSR telah disemak semula susulan penambahbaikan bagi meningkatkan ketepatan apabila mengambil kira beban keupayaan membayar semula hutang oleh peminjam yang mempunyai akaun pinjaman bersama. Oleh itu, angka DSR mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan angka yang dilaporkan dalam penerbitan terdahulu.

[23] Merujuk peminjam yang mempunyai DSR yang tinggi (melebihi 60%) dan pendapatan boleh guna bersih yang rendah (bawah RM1,000).

[24] Caruman sukarela untuk individu yang bekerja sendiri dan pekerja sambilan tanpa pendapatan tetap.

[25] Sejumlah RM12.2 bilion telah dikeluarkan daripada Akaun Fleksibel KWSP setakat bulan Disember 2024. Pengeluaran ini melibatkan 31% daripada ahli KWSP bawah umur 55 tahun (sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja).

Rajah 1.16: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Aset Kewangan Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Rajah 1.17: Sektor Isi Rumah – Nisbah Pinjaman Terjejas dan Delinkuen



Nota: Data merujuk pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti pinjaman bertambah baik berlatarkan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan pertumbuhan pendapatan yang mampan. Pinjaman tertunggak dan pinjaman terjejas telah menurun merentas semua kumpulan pendapatan dan kebanyakan tujuan pinjaman (Rajah 1.17). Tanda-tanda tekanan baharu juga kekal rendah dengan bahagian pinjaman isi rumah diklasifikasikan sebagai Tahap 2 (dikenal pasti sebagai mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi) terus menurun kepada 4.3% (Jun 2024: 4.4%; paras tertinggi (Disember 2021): 8%). Kelemahan kekal terhad kepada segmen kecil peminjam yang mempunyai penampan yang rendah dan akan lebih terjejas akibat peningkatan kos atau perubahan pada keadaan kewangan mereka (seperti pengurangan pendapatan, kehilangan pekerjaan atau terpaksa menguruskan perbelanjaan yang tidak dijangka). Walaupun pengambilan bantuan pinjaman yang ditawarkan oleh bank dan AKPK terus tinggi berikutan usaha yang dipergiat secara proaktif bagi membantu peminjam yang menghadapi kesukaran kewangan, bahagian pinjaman baharu di bawah bantuan bayaran balik pinjaman kekal kecil pada 0.3% daripada jumlah sistem perbankan dan pinjaman IKP (Jun 2024: 0.3%). Secara keseluruhan, jumlah bahagian pinjaman isi rumah di bawah bantuan bayaran balik (R&R oleh bank-bank dan Program Pengurusan Kredit oleh AKPK) terus menurun dan kekal rendah pada 1.9% daripada jumlah sistem perbankan dan pinjaman IKP (Jun 2024: 2%).

Melangkah ke hadapan, keupayaan membayar balik hutang isi rumah akan terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan pertumbuhan pendapatan yang mampan. Usaha berterusan untuk merasionalisasikan subsidi kerajaan secara menyeluruh pada tahun 2025 dijangka tidak akan memberikan kesan yang ketara terhadap daya tahan kewangan isi rumah memandangkan langkah-langkah sokongan pendapatan yang sepadan yang dijangka masih tersedia untuk kebanyakan isi rumah. Pertumbuhan pendapatan yang disokong oleh dasar seperti semakan gaji minimum dan gaji penjawat awam dijangka meningkatkan lagi daya tahan isi rumah. Meskipun peningkatan pendapatan isi rumah mungkin menyumbang kepada kadar peningkatan hutang yang lebih pantas seiring dengan keupayaan pinjaman yang tinggi bagi isi rumah, risiko kredit dijangka terkawal berikutan amalan pemberian pinjaman institusi kewangan yang kukuh.

Ujian tekanan yang dijalankan oleh BNM menunjukkan bahawa di bawah senario buruk seperti pengangguran dan inflasi yang tinggi, beberapa segmen peminjam mudah terjejas kekal terdedah kepada kesukaran kewangan. Segmen ini termasuk peminjam berpendapatan rendah dan peminjam yang mempunyai banyak hutang serta yang mempunyai penampan kewangan yang rendah. Ujian tekanan terkini menunjukkan bahawa hingga 5.6% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan daripada sektor isi rumah berisiko untuk mungkir menjelang akhir tahun 2027, sekiranya berlaku kejutan pasaran pekerjaan yang teruk dengan kadar pengangguran mencecah setinggi 6%. Walau bagaimanapun, angka ini kekal dalam julat penampan modal lebihan yang selesa bagi bank-bank (rujuk bahagian "Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan" untuk maklumat lanjut).

Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah

Dalam sektor harta bukan kediaman (*non-residential property*, NRP), risiko kekal terkawal walaupun terdapat cabaran yang berterusan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah (*office space and shopping complex,* OSSC) pada separuh kedua tahun 2024. Kebimbangan mengenai kadar kekosongan ruang pejabat yang tinggi kekal kerana bekalan baharu terus mengatasi permintaan. Jumlah stok ruang pejabat[26] di Lembah Klang meningkat sedikit kepada 121.7 juta kaki persegi pada suku keempat tahun 2024 (S2 2024: 121 juta kaki persegi). Pemerhatian berterusan berhubung dengan pilihan kontrak penyewaan yang lebih fleksibel dan pengaturan kerja hibrid menunjukkan bahawa pelarasan dalam bekalan masih memerlukan usaha yang berterusan. Setakat suku keempat tahun 2024, kadar kekosongan dalam segmen ruang pejabat kekal tinggi pada 28.3% (S3 2024: 28.4%; S2 2024: 28.4%). Sementara itu, keadaan dalam segmen kompleks beli-belah bertambah baik sedikit dalam tempoh tersebut seperti yang diperhatikan melalui penurunan kadar kekosongan dalam keadaan bilangan pengunjung (*footfall*) yang lebih tinggi serta keadaan permintaan yang menggalakkan (Rajah 1.18).

Rajah 1.18: Pasaran Harta Tanah – Kadar Kekosongan Ruang Pejabat dan Kompleks Beli-Belah



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan anggaran Bank Negara Malaysia

Risiko terhadap kestabilan kewangan yang timbul daripada kelemahan berterusan yang diperhatikan dalam segmen OSSC dinilai kekal terkawal. Dedahan sistem perbankan kepada segmen OSSC adalah terhad, mencakupi hanya bahagian yang kecil daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (2.5%; Jun 2024: 2.6%). Kualiti aset pinjaman OSSC kekal stabil dengan nisbah pinjaman terjejas sebanyak 2% pada akhir bulan Disember 2024 (Jun 2024: 2.1%) (Rajah 1.19). Median nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) terkumpul untuk segmen OSSC juga kekal berhemat (Disember 2024: 59.5%; Jun 2024: 58.9%). Pada masa hadapan, prospek jangka pendek bagi segmen OSSC kekal berwaspada berikutan kelemahan yang sedia ada dalam segmen tersebut.

Rajah 1.19: Pasaran Harta Tanah – Pinjaman Terjejas Mengikut Jenis Pembelian Harta Tanah Bukan Kediaman



* Merujuk pinjaman bagi pembelian bangunan perindustrian, kilang dan tanah.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[26] Sumber: Jones Lang Wootton.

Dalam sektor harta kediaman, aktiviti pasaran kukuh pada separuh kedua tahun 2024 disokong oleh keadaan pasaran pekerja dan pendapatan yang kondusif, ketersediaan pembiayaan dan insentif berterusan untuk menggalakkan pemilikan rumah. Transaksi pasaran meningkat, didorong terutamanya oleh segmen pasaran umum (*mass-market*) (rumah berharga RM500,000 dan ke bawah) (Rajah 1.20). Bilangan unit telah siap yang tidak terjual[27] terus menurun (Rajah 1.21). Namun begitu, unit sedang dibina yang tidak terjual[28] terus meningkat pada tahun 2024, sekali gus mencerminkan peningkatan dalam pelancaran baharu daripada tahun-tahun sebelumnya (2024*a*: 75,784 unit; 2023: 66,576 unit; purata 2021–22: 54,707 unit).[29]

Rajah 1.20: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Transaksi Perumahan



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.21: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Unit Perumahan Tidak Terjual



Nota: Angka termasuk unit tidak terjual yang telah siap dan unit tidak terjual yang sedang dalam pembinaan untuk kediaman, pangsapuri perkhidmatan dan unit *small office, home office* (SOHO).

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan anggaran Bank Negara Malaysia

Meskipun aktiviti pasaran kukuh, pertumbuhan harga rumah kekal dalam julat sederhana pada suku ketiga tahun 2024 (4.3%; S2 2024: 4.1%) (Rajah 1.22). Walau bagaimanapun, dalam tempoh yang sama, segmen pangsapuri perkhidmatan[30] mengalami sedikit penurunan, berbeza daripada pertumbuhan harga keseluruhan yang lebih kukuh untuk unit bertingkat tinggi seperti yang ditakrifkan dalam Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM). Pada masa ini, segmen pangsapuri perkhidmatan telah mencakupi 34.8% daripada jumlah unit perumahan tidak terjual[31] walaupun hanya merangkumi 6.3% daripada jumlah anggaran stok unit kediaman sedia ada.[32] Bersama-sama dengan bekalan baharu yang berterusan, risiko pelarasan harga kekal wujud bagi segmen tersebut. Walau bagaimanapun, risiko langsung daripada keseluruhan unit tidak terjual dinilai sebagai rendah kerana dedahan pinjaman kepada pemaju dengan harta tanah tidak terjual, termasuk pangsapuri perkhidmatan, hanya mencakupi 0.9% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Keadaan permintaan yang bertambah baik juga telah mengehadkan limpahan yang lebih luas kepada pasaran harta kediaman yang boleh berpunca daripada pertumbuhan harga rumah yang berlarutan lemah akibat harta kediaman tidak terjual yang berleluasa.

[27] Unit siap yang tidak terjual ialah harta tanah yang tidak terjual sekurang-kurangnya sembilan bulan selepas pelancaran tetapi telah siap dan menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan.
[28] Unit sedang dibina yang tidak terjual merujuk harta tanah yang tidak terjual sekurang-kurangnya sembilan bulan selepas pelancaran tetapi masih dalam pembinaan.
[29] Tidak termasuk pelancaran baharu pangsapuri perkhidmatan. Angka bagi tahun 2024 merupakan awalan dan sering disemak naik dalam keluaran data berikutnya, lazimnya dalam tempoh dua suku tahun berikutnya.
[30] Menurut Indeks Harga Pangsapuri Perkhidmatan (Serviced Apartment Price Index, SA-PI) Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC). Indeks ini diperkenalkan oleh NAPIC pada bulan September 2024. Pada suku ketiga tahun 2024, harga pangsapuri perkhidmatan meningkat sebanyak 2% di Lembah Klang, 3.9% di Johor Bahru dan -0.1% di Pulau Pinang (S4 2023: masing-masing 5.4%, 4.7% dan 3.7%). Lembah Klang terdiri daripada Kuala Lumpur dan Selangor.
[31] Jumlah unit rumah yang tidak terjual termasuk keseluruhan harta kediaman dan pangsapuri perkhidmatan.
[32] Lebih daripada tiga perlima unit pangsapuri perkhidmatan tidak terjual berada dalam kategori harga melebihi RM500,000.

Rajah 1.22: Pasaran Harta Tanah – Pertumbuhan Tahunan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) Mengikut Jenis



Nota: Unit bertingkat tinggi termasuk kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa tetapi mengecualikan pangsapuri perkhidmatan.

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.23: Pasaran Harta Tanah – Sumbangan kepada Pertumbuhan Tahunan bagi Pinjaman Perumahan mengikut Jenis Peminjam



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank-bank kekal bersedia memberikan pembiayaan kepada pasaran harta kediaman. Pembiayaan untuk pembinaan harta kediaman, yang terus menyokong pelancaran baharu dalam pasaran, telah berkembang pada 12.9% (Jun 2024: 4%; purata 2015–19: 9.5%). Pinjaman perumahan terkumpul keseluruhan meningkat sebanyak 6.9% dari tahun ke tahun (Jun 2024: 7.5%), dengan pinjaman kepada para pemilik rumah (diwakili oleh peminjam individu dengan satu pinjaman perumahan, termasuk pembeli rumah kali pertama) menyumbang 5.2 mata peratusan kepada pertumbuhan tahunan. Tanda-tanda aktiviti pelaburan yang disokong oleh kredit adalah terhad, kerana sumbangan kepada pertumbuhan pinjaman perumahan daripada peminjam yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan kekal kecil (Disember 2024: 0.03 mata peratusan; Jun 2024: -0.01 mata peratusan) (Rajah 1.23). Dari segi kualiti aset, pinjaman perumahan menunjukkan prestasi yang baik merentas semua jenis peminjam, selaras dengan pertumbuhan pendapatan yang positif. Keupayaan membayar balik yang mampan telah diperhatikan, dengan nisbah pinjaman terjejas keseluruhan kekal rendah pada 1.2% pada bulan Disember 2024 (Jun 2024: 1.3%). Pelabur harta tanah individu[33] menunjukkan nisbah pinjaman terjejas yang rendah (0.9%) apabila dibandingkan dengan pemilik-penghuni (1.3%). Keadaan ini konsisten dengan profil pelabur yang 80% daripadanya berpendapatan lebih RM5,000 sebulan.

Median nisbah LTV bagi pinjaman perumahan terkumpul keseluruhan kekal berhemat, lantas menyediakan penampan yang mencukupi terhadap kemungkinan pembetulan harga rumah (Disember 2024: 69.7%; Jun 2024: 68.9%). Dengan keadaan ekonomi semasa yang stabil, risiko pembetulan harga yang ketara kemungkinan tidak akan berlaku. Risiko kepada kestabilan kewangan yang berpunca daripada pasaran harta tanah dinilai kekal rendah untuk jangka masa terdekat, disokong oleh piawaian pemberian pinjaman yang kukuh.

[33] Pelabur harta tanah individu merujuk peminjam yang mempunyai dua atau lebih pinjaman perumahan terkumpul.

RISIKO OPERASI

Operasi institusi kewangan kekal berdaya tahan

Memelihara daya tahan operasi dan siber institusi kewangan terus menjadi salah satu bidang tumpuan utama bagi BNM. Pada separuh kedua tahun 2024, kerugian kewangan akibat risiko operasi yang dilaporkan oleh institusi kewangan kekal rendah, merangkumi hanya 0.03% daripada jumlah modal sistem perbankan (ST1 2024: 0.05%; ST2 2023: 0.03%). Institusi kewangan terus memantau gangguan operasi, terutamanya berikutan landskap ancaman siber yang semakin meningkat.

Sepanjang tempoh ini, beberapa insiden siber dilaporkan oleh industri, meskipun kebanyakannya melibatkan tahap keseriusan yang rendah. Jumlah serangan penafian perkhidmatan teragih (*distributed denial of service*, DDoS) mencatatkan sedikit peningkatan, seterusnya mengakibatkan ancaman yang berterusan kepada ketersediaan perkhidmatan dalam talian oleh institusi kewangan. Institusi kewangan telah menyediakan pelan kesinambungan perniagaan (*business continuity plans*, BCP) yang sewajarnya bagi memastikan kesiapsiagaan mereka untuk bertindak balas dan pulih daripada insiden siber serta meminimumkan gangguan operasi. BNM juga terus memantau landskap ancaman siber secara proaktif dan mempertingkatkan langkah penyeliaan untuk membanteras dan menangani ancaman yang semakin meningkat. Langkah ini termasuk mengemas kini keperluan dasar bagi menangani risiko baharu, serta menjalankan kajian bersasar untuk menilai keupayaan institusi kewangan bertindak balas terhadap insiden siber.

Hutang teknikal[34] dan keselamatan[35] (*technical and security debt*) boleh menyumbang kepada peningkatan tahap mudah terjejas industri kewangan terhadap ancaman siber. Sehubungan dengan itu, BNM terus menggesa institusi kewangan supaya memperkukuh pertahanan berbilang lapisan mereka. Usaha ini termasuk memastikan proses perniagaan yang mengalami pendigitalan pantas disertai dengan sumber dan kepakaran yang mencukupi. Hal ini adalah untuk menguruskan risiko pelaksanaan dan mengekalkan daya tahan operasi secara berterusan untuk menghadapi perkembangan dalam risiko teknologi dan siber. Perbelanjaan tahunan institusi kewangan dalam bidang teknologi maklumat (*information technology*, IT) telah meningkat dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, dengan kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (*compound annual growth rate*, CAGR) sebanyak 22% bagi tempoh tiga tahun yang lepas. Yang ketara, perbelanjaan IT terus mewakili bahagian yang semakin besar daripada jumlah perbelanjaan tahunan keseluruhan (2024: 23.3% daripada perbelanjaan tahunan; 2023: 19.1%; 2022: 18.7%). Pertambahan ini mencerminkan kepentingan strategiknya yang semakin meningkat bagi institusi kewangan. Sebahagian besar perbelanjaan ini diperuntukkan bagi:

- melaksanakan usaha penyegaran semula teknologi, seperti penggantian serta penggunaan penyelesaian keselamatan siber yang lebih baik;
- mempertingkatkan pengurusan infrastruktur IT dan pemantauan rangkaian;
- memperkukuh perkhidmatan risikan ancaman dan pemantauan keselamatan; dan
- meningkatkan latihan kepada kakitangan IT dan keselamatan siber serta fungsi pemantauan dan kawalan utama bagi menguruskan trend dan risiko siber yang baharu.

Peningkatan perbelanjaan IT tahunan ini didorong oleh usaha menaik taraf infrastruktur pusat data bagi memastikan daya tahan operasi pada waktu puncak. Peningkatan ini juga berikutan inovasi produk secara pesat yang turut menambah kerumitan operasi infrastruktur IT institusi kewangan. Beberapa bank telah melancarkan program jangka panjang untuk memodenkan sistem IT mereka. Program ini merangkumi pembinaan semula infrastruktur rangkaian dan pelayan untuk memastikan kawalan berpusat, ketangkasan dan fleksibiliti yang lebih baik. Sesetengah bank terus mempertingkatkan kecekapan operasi IT, misalnya melalui penggunaan penyelesaian keselamatan berasaskan awan (*cloud-based security solutions*). Bank-bank utama secara amnya memperuntukkan perbelanjaan modal untuk menaik taraf sistem teras yang mendekati akhir hayat perkhidmatannya, memastikan persekitaran IT yang selamat serta meningkatkan kapasiti sistem dan infrastruktur sandaran. Selain itu, institusi kewangan pembangunan serta penanggung insurans dan pengendali takaful turut menaik taraf keupayaan pusat data bagi memastikan pemulihan perkhidmatan yang pantas pada waktu puncak. Langkah ini diambil sejajar dengan kehendak pengawalseliaan untuk memastikan ketersediaan perkhidmatan yang berterusan bagi mengekalkan keyakinan orang ramai. Kesemua langkah ini juga selaras dengan penerapan piawaian dan rangka kerja antarabangsa

[34] Hutang teknikal merujuk kompromi dalam bidang IT apabila pembetulan, naik taraf atau penambahbaikan ditangguhkan atau dilaksanakan secara kurang optimum berikutan kekangan tarikh akhir atau belanjawan. Hal ini menyebabkan peningkatan kos dan usaha tambahan pada masa hadapan bagi menangani isu yang semakin bertambah.

[35] Hutang keselamatan pula merupakan sebahagian daripada hutang teknikal yang memberikan tumpuan pada aspek keselamatan. Keadaan ini berlaku apabila amalan dan protokol keselamatan terbaik diberikan kurang keutamaan untuk memastikan kemajuan yang lebih pantas atau keutamaan tertumpu pada bidang lain. Dari masa ke masa, hal ini menyebabkan kelemahan dalam persekitaran sistem terkumpul secara beransur-ansur, menjadikan sistem lebih sukar untuk dipertahankan serta meningkatkan kos dan risiko pada masa hadapan.

yang lebih meluas bagi mengukuhkan pengurusan keselamatan maklumat.[36]

Sebagai sebahagian daripada usaha yang dipertingkatkan bagi memastikan BCP institusi kewangan lebih menyeluruh dan meliputi pelbagai senario, bank-bank dikehendaki membangunkan ujian BCP yang lebih mantap dan bersepadu. Langkah ini bertujuan memastikan kesinambungan perkhidmatan dan operasi bank yang sangat penting dalam persekitaran yang semakin kompleks dan saling bergantung.

Institusi kewangan telah mengenal pasti usaha menguruskan ancaman siber, memastikan pematuhan terhadap keperluan pengawalseliaan serta membendung taktik kejuruteraan sosial oleh penjenayah penipuan sebagai keutamaan teras dalam menguruskan risiko operasi pada tahun 2025.[37] Hal ini berikutan peningkatan dalam modus operandi ancaman terhadap industri serta jangkaan untuk memastikan institusi kewangan sentiasa mampu menyediakan perkhidmatan digital yang selamat dan tersedia. Risiko-risiko ini diberikan keutamaan kerana terus berkembang seiring dengan landskap sektor kewangan yang sentiasa berubah (Gambar Rajah 1.2).

Selanjutnya, bagi menggerakkan pemantauan risiko operasi sistem kewangan secara lebih menyeluruh dan sistematik, BNM telah menambah baik pelaporan risiko operasi berpusat menerusi sistem Pelaporan Risiko Operasi (Operational Risk Reporting, ORR) untuk mengumpulkan lebih banyak data berkaitan risiko operasi. Sistem ORR menyokong pelaporan dan penilaian insiden risiko operasi kepada BNM serta memantau tindak balas insiden oleh institusi kewangan. Sistem ini merangkumi pelaporan insiden berkaitan penipuan, amalan dan gangguan operasi dalam institusi kewangan. Dengan peningkatan interaksi antara operasi perbankan yang sangat penting dengan ekosistem pembayaran, penyertaan entiti sistem pembayaran yang dikawal selia dalam sistem ORR baru-baru ini juga akan memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai dedahan dan daya tahan keseluruhan sektor kewangan terhadap risiko operasi.

Gambar Rajah 1.2: Risiko Operasi Utama dan Tindakan Mitigasi

Ancaman Siber	Jenayah siber sebagai perkhidmatan semakin berleluasa, ditambah pula dengan serangan yang dipacu AI, menjadikan ancaman siber lebih rumit dan canggih.	• Syarat yang lebih ketat dalam pengurusan risiko siber untuk pihak ketiga dan rantaian bekalan. • Meningkatkan kesiapsiagaan dan tindak balas terhadap insiden siber melalui latihan simulasi serangan siber di seluruh industri. • Perkongsian risikan ancaman siber yang lebih meluas melalui FinTIP.
Ketidakpatuhan Pengawalseliaan	Peraturan yang semakin ketat dan peningkatan dalam penelitian orang awam meningkatkan permintaan terhadap institusi kewangan untuk memastikan pematuhan, terutamanya dalam pelaporan pengawalseliaan serta memastikan ketersediaan perkhidmatan dalam talian.	• Libat urus secara berkala dengan industri bagi memastikan penyelarasan serta menggalakkan perkongsian amalan terbaik. • Pengukuhan fungsi kawalan dalaman bagi mengenal pasti dan membetulkan jurang pematuhan mengikut masa yang ditetapkan. • Pengawasan yang lebih ketat terhadap pengurusan risiko IT oleh institusi kewangan.
Kejuruteraan Sosial	Modus operandi penipuan yang semakin berkembang, seperti penipuan aplikasi palsu, semakin licik memperdaya pelanggan supaya mendedahkan butiran perbankan atau maklumat sensitif mereka yang lain.	• Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang modus operandi penipuan melalui pelbagai saluran komunikasi. • Kerjasama merentas sektor melalui National Fraud Portal (NFP) bagi mempercepat tindak balas terhadap penipuan. • Meningkatkan keupayaan pengesanan penipuan oleh institusi kewangan dengan mengesan dan menyekat transaksi yang mencurigakan.
Kesilapan Manusia	Peningkatan jumlah transaksi serta perubahan dalam proses dalaman selepas pendigitalan meningkatkan risiko kesilapan dan kecuaian operasi.	• Kawalan dalaman yang lebih ketat serta prosedur operasi standard (SOP) yang dikemas kini lebih kerap bagi menunjukkan perubahan proses. • Pembinaan keupayaan pekerja yang berterusan bagi mengurangkan kecuaian operasi. • Penggunaan sistem analitik untuk mengesan dan mencegah kesilapan berulang.
Gangguan Perniagaan	Pergantungan yang lebih besar pada teknologi, sistem dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga (TPSP) mendedahkan institusi kewangan pada risiko gangguan perkhidmatan dan kegagalan sistem.	• Pemantauan yang lebih rapi terhadap prestasi sistem penting dan potensi ancaman, termasuk perkhidmatan penting yang disediakan atau disokong oleh TPSP. • Pelan kesinambungan perniagaan dan pemulihan bencana yang kukuh serta diuji secara berkala bagi memastikan keberkesanannya.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[36] Piawaian dan rangka kerja ini termasuk ISO/IEC 27001 Information Security Management System (ISMS), US National Institute of Standards and Technology (NIST) Cybersecurity Framework dan Payment Card Industry Data Security Standard (PCI DSS).

[37] Berdasarkan Emerging Operational Risk Survey 2024/2025 yang dijalankan oleh BNM.

Sistem pembayaran dan penyelesaian mengekalkan tahap ketersediaan yang tinggi.

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities, RENTAS) dan sistem pembayaran runcit (*retail payment system*, RPS) utama terus mengekalkan tahap daya tahan operasi dan ketersediaan sistem yang tinggi sepanjang separuh kedua tahun 2024.

Tiada insiden operasi atau siber yang signifikan berlaku dalam tempoh ini. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengekalkan daya tahan sistem, penambahbaikan selanjutnya telah dilaksanakan dalam pengurusan kesinambungan perniagaan RENTAS dan RPS utama bagi memperkukuh langkah pemulihan sistem bagi menghadapi kemungkinan berlakunya serangan siber tahap ekstrem. Perincian lanjut mengenai pemantauan perkhidmatan pembayaran boleh didapati melalui bab "Menggalakkan Pembayaran dan Perkhidmatan Kiriman Wang yang Selamat dan Cekap" dalam Laporan Tahunan BNM 2024.

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

Sektor Perbankan 27

Sektor Insurans dan Takaful 34

Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan 37

Rencana: Panduan Aplikasi Hajah dan Darurah dalam Kewangan Islam *43*

Rencana: Pelaksanaan Pendekatan Standard untuk Risiko Kredit: Semakan Utama di bawah Basel III dan Kesan Terhadap Bank-bank *46*

Rencana: Mengendalikan Peralihan Sektor Kewangan kepada Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan *51*

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

SEKTOR PERBANKAN

Mudah tunai sistem perbankan kekal menyokong pengantaraan kewangan

Kedudukan mudah tunai dan pendanaan sistem perbankan kekal berdaya tahan terhadap potensi kejutan mudah tunai pada separuh kedua tahun 2024. Agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) (Rajah 2.1) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) (Rajah 2.2) kekal kukuh dan melebihi tahap pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 160.7% dan 116.3% pada akhir bulan Disember 2024 (Jun 2024: masing-masing 155.2% dan 115.5%). Bank-bank terus memegang aset mudah tunai berkualiti

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



Nota: 1. LCR MYR dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi ringgit.
2. LCR keseluruhan dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi semua mata wang.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Nisbah Pendanaan Stabil Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

tinggi (*high-quality liquid assets*, HQLA) yang mencukupi (RM761.1 bilion; Jun 2024: RM762.8 bilion), kebanyakannya dalam bentuk penempatan dengan bank pusat dan pemegangan bon kerajaan yang boleh dicagarkan melalui pasaran antara bank atau dengan BNM untuk mendapatkan mudah tunai tambahan.

Deposit sistem perbankan berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 3% pada separuh kedua tahun 2024 (CAGR 2015–19: 4.4%) (Rajah 2.3), didorong oleh pertumbuhan deposit perniagaan pemastautin (termasuk perusahaan awam bukan kewangan) yang lebih perlahan (pertumbuhan tahun ke tahun: 0.1%; Jun 2024: 7.5%).[1] Keadaan ini sebahagiannya mencerminkan kos yang lebih tinggi dan pembayaran balik hutang oleh perniagaan. Daripada segi jenis deposit, deposit tetap (termasuk Murabahah Komoditi[2]) mencakupi hampir separuh daripada

[1] Bahagian deposit individu dan perniagaan pemastautin (termasuk perusahaan awam bukan kewangan) daripada jumlah deposit bank-bank kekal stabil, masing-masing pada 36.5% (Jun 2024: 36%) dan 33.2% (Jun 2024: 33.7%).

[2] Pada akhir bulan Disember 2024, jumlah Murabahah Komoditi adalah sebanyak RM538.5 bilion, yakni mencakupi 21% daripada jumlah deposit sistem perbankan.

jumlah deposit sistem perbankan (Disember 2024: 49%; Jun 2024: 48.7%; purata 2015–19: 51.2%) (Rajah 2.4). Keadaan ini menyediakan sumber pendanaan yang lebih stabil untuk bank-bank. Ujian tekanan[3] yang dijalankan oleh BNM mengesahkan lagi daya tahan sistem perbankan terhadap kejutan mudah tunai.

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit Mengikut Jenis



Sumber: Bank Negara Malaysia

Trend bermusim dalam persaingan deposit telah meningkat menjelang akhir tahun 2024 apabila bank-bank mengumpulkan penampan mudah tunai berikutan jangkaan berlakunya pengeluaran pada akhir tahun, terutamanya oleh pendeposit besar. Lantaran itu, kadar faedah ke atas deposit korporat meningkat pada suku keempat. Walau bagaimanapun, peningkatan kadar deposit korporat diimbangi oleh penurunan kadar faedah deposit tetap runcit[4] susulan langkah-langkah yang diambil oleh bank-bank untuk menguruskan kos dana mereka secara aktif. Penurunan purata kos dana pasaran wang (Disember 2024: 3.77%; Disember 2023: 3.92%) berikutan pelonggaran kadar dasar global turut mengurangkan kos pendanaan mata wang asing (*foreign currency*, FCY) bank-bank. Hasilnya, purata kos dana bank-bank menurun kepada 2.78% pada bulan Disember 2024 (Jun 2024: 2.9%) (Rajah 2.5). Sejajar dengan perkembangan ini, tiada bukti kukuh yang menunjukkan keadaan kredit mengalami pengetatan yang ketara. Bank-bank terus menyalurkan pinjaman secara kukuh (+5.5%; Jun 2024: +6.4%) (Rajah 2.6).

Rajah 2.5: Sistem Perbankan – Kos Deposit Purata, Kos Dana Purata dan OPR



Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko penularan daripada dedahan bank kepada rakan niaga luar negeri kekal terurus

Secara amnya, hutang luar negeri bank-bank kekal stabil pada RM445.2 bilion pada separuh kedua tahun 2024 (Jun 2024: RM447.2 bilion) (Rajah 2.7). Peminjaman antara bank terus membentuk sebahagian besar daripada hutang luar negeri bank-bank dengan lebih separuh daripadanya merupakan dedahan dalam kalangan

[3] Rujuk bahagian "Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan" untuk butiran lanjut.

[4] Perubahan tahun ke tahun dalam kadar faedah purata berwajaran bagi deposit tetap runcit konvensional 3 bulan adalah sebanyak -17 mata asas.

kumpulan. Dedahan ini terhasil khususnya daripada bank asing yang diperbadankan di Malaysia (*locally incorporated foreign banks*, LIFB) yang mendapat dana daripada syarikat induk yang terletak di luar negara, serta bank-bank yang terletak di Labuan International Business and Financial Centre (LIBFC) bagi memudahkan transaksi yang diatur dan diuruskan oleh ibu pejabat asing. Selain itu, beberapa bank terus menggunakan pengaturan swap FCY untuk mendapatkan pembiayaan ringgit yang lebih murah, memandangkan kos dana efektif (*effective cost of funds*) kekal lebih rendah berbanding dengan kadar KLIBOR. Walau bagaimanapun, pengaturan ini hanya menyumbang sekitar 3.1% daripada jumlah pendanaan bank dan dijangka tidak berkembang dengan ketara berikutan jangkaan pemotongan kadar dasar oleh Federal Reserve Amerika Syarikat (AS) yang selanjutnya pada tahun 2025.

Rajah 2.6: Sistem Perbankan – Pertumbuhan Pinjaman Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko daripada hutang luar negeri bank-bank terus terhad. Kebergantungan bank-bank terhadap rakan niaga luar negeri bagi keperluan pendanaan domestik kekal rendah. Sebahagian besar dedahan luar negeri bank-bank masih dengan rakan niaga yang berkaitan atau dalam bentuk hutang jangka panjang stabil[5] (76.9%; Jun 2024: 78.4% daripada jumlah hutang luar negeri bank-bank), lantas meminimumkan risiko pelanjutan dan pengeluaran (*rollover and withdrawal risks*). Sementara itu, hutang luar negeri jangka pendek dengan rakan niaga tidak berkaitan mempunyai penampan yang mencukupi kerana bank-bank terus memegang aset mudah tunai FCY yang memadai untuk menampung sehingga 2.4 kali (Jun 2024: 2.5 kali) jumlah hutang luar negeri FCY berisiko[5] (Rajah 2.8).

[5] Hutang luar negeri FCY berisiko atau hutang kurang stabil bagi bank-bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan, yang dianggap lebih terdedah kepada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba.

Rajah 2.7: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen



Nota: Hutang luar negeri bank-bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY



Nota: Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang (*unencumbered*) dan penempatan antara bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank-bank juga terus berdaya tahan terhadap risiko pertukaran asing (*foreign exchange*, FX). Berikutan peningkatan volatiliti pasaran pada separuh kedua tahun 2024, bank-bank aktif menguruskan dedahan mereka dengan mengurangkan kedudukan terbuka bersih FX (FX *net open position*, FX NOP) (Rajah 2.9) yang berada pada paras yang lebih rendah, iaitu 3.9% daripada jumlah modal (Jun 2024: 5.2%; purata 2020-22: 4.2%).

Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD



Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara amnya, kualiti aset bank-bank bertambah baik

Kualiti aset bank-bank kekal utuh berikutan kebanyakan peminjam terus menunjukkan peningkatan dalam keupayaan membayar balik hutang. Nisbah pinjaman terjejas kasar menyusut kepada 1.4% pada separuh kedua tahun 2024 (Jun 2024: 1.6%) (Rajah 2.10). Prospek kualiti aset juga bertambah baik, dengan bahagian pinjaman yang dikelaskan sebagai Tahap 2 terus menurun di bawah purata sebelum pandemik kepada 6.6% daripada pinjaman sistem perbankan (Jun 2024: 7%; purata 2018–20: 8%) (Rajah 2.11). Sehubungan dengan itu, pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman[6] berkurang kepada 1.7% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Jun 2024: 2%), manakala pinjaman yang baru dijadualkan semula dan distrukturkan semula (*rescheduled and restructured*) daripada peminjam yang menghadapi kekangan kewangan kekal kecil pada 0.08% daripada jumlah pinjaman bank-bank (Jun 2024%: 0.09%). Namun begitu, bank-bank terus memantau dengan teliti segelintir peminjam yang mudah terjejas akibat tekanan kos yang berterusan, khususnya isi rumah berpendapatan lebih rendah dan perniagaan dalam sektor perkilangan, borong dan runcit, serta hotel dan restoran.

[6] Merujuk semua jenis program bantuan bayaran balik pinjaman termasuk baki pinjaman di bawah bantuan yang diberikan berikutan COVID-19, pakej khusus bank-bank serta penstrukturan semula dan penjadualan semula (*restructuring and rescheduling*, R&R).

Rajah 2.10: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.11: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Tahap 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada separuh kedua tahun 2024, nisbah perlindungan kerugian pinjaman sistem perbankan (termasuk rizab pengawalseliaan) meningkat kepada 129% daripada 124.3% yang dicatatkan pada bulan Jun 2024 (Rajah 2.12). Hal ini mencerminkan peningkatan peruntukan jejas nilai bank-bank secara kolektif dalam keadaan pertumbuhan pinjaman yang terus kukuh pada tahun 2024. Pada masa yang sama, bank-bank mengekalkan peruntukan berhemat untuk segmen peminjam yang berisiko lebih

tinggi berikutan ketidakpastian dalam persekitaran operasi terutamanya impak daripada cabaran kos yang berlarutan. Meskipun bank-bank telah mengurangkan pertimbangan pengurusan (*management overlay*, MO)[7] yang terkumpul sejak pandemik, hal ini diimbangi pada tahap agregat oleh MO yang diperuntukkan bagi peminjam tertentu. Keadaan ini menyebabkan MO kekal stabil pada kira-kira 25% daripada peruntukan jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss*, ECL) bank-bank untuk pinjaman. Penampan ini dijangka mencukupi untuk menyerap potensi kerugian, lantas menghasilkan kos kredit tahunan yang stabil (Rajah 2.13).

Rajah 2.12: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman (Termasuk Rizab Pengawalseliaan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] Pertimbangan pengurusan ialah peruntukan tambahan yang disediakan sebagai tambahan kepada peruntukan yang diperoleh daripada model ECL. Peruntukan ini mencerminkan pelarasan untuk mengambil kira kekurangan atau ketidakpastian data yang tidak digambarkan sepenuhnya oleh model ECL.

Pendapatan bank-bank bertambah baik, disokong oleh pendapatan faedah yang lebih tinggi

Keuntungan bank-bank pada separuh kedua tahun 2024 terus disokong oleh pendapatan faedah (Rajah 2.14) dalam keadaan pertumbuhan pinjaman keseluruhan yang kukuh. Pendapatan faedah yang lebih tinggi dan pertumbuhan perbelanjaan faedah yang lebih perlahan menyumbang kepada margin faedah bersih yang lebih baik (Disember 2024: 2%; Jun 2024: 1.96%; purata 2015–19: 2.11%). Sementara itu, nisbah kos kepada pendapatan (*cost-to-income*, CTI)[8] meningkat sedikit kepada 47.9% (Jun 2024: 46.6%) didorong terutamanya oleh peningkatan dalam perbelanjaan kakitangan.

Pendapatan perdagangan dan pelaburan (ST2 2024: RM7.8 bilion; ST1 2024: RM6.8 bilion) memberikan sokongan tambahan kepada pendapatan bank-bank. Pendapatan ini didorong terutamanya oleh keuntungan daripada penilaian semula pertukaran asing yang dicatatkan pada suku ketiga tahun 2024 berikutan pengukuhan nilai ringgit. Walaupun pegangan bon kerajaan oleh bank-bank kekal tinggi (10.1% daripada jumlah aset sistem perbankan; Jun 2024: 10.6%), dedahan bank-bank kepada risiko kadar faedah dalam akaun perbankan kekal terurus.[9] Keadaan ini disokong oleh strategi aktif untuk mengurangkan tempoh pemegangan bon kerajaan, terutamanya pada suku terakhir tahun 2024 berikutan jangkaan pasaran mengenai kadar faedah yang tinggi untuk tempoh yang lebih lama di AS serta ketidaktentuan dasar perdagangan AS di bawah pentadbiran baharunya.

Selaras dengan pendapatan yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2024, pulangan atas aset dan ekuiti sistem perbankan masing-masing meningkat sedikit kepada 1.4% dan 12.2% (Jun 2024: masing-masing 1.3% dan 12.1%). Kedudukan ini menyokong penilaian pasaran yang lebih baik bagi bank-bank yang tersenarai, seperti yang diukur melalui nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book*, P/B) dan nisbah harga kepada perolehan (*price-to-earnings*, P/E) (Rajah 2.15). Prospek pertumbuhan ekonomi yang positif akan memberikan sokongan yang berterusan kepada keuntungan bank-bank pada masa hadapan.

[8] Nisbah CTI merujuk kos pengendalian operasi (iaitu kos operasi) berbanding dengan jumlah pendapatan bank-bank.

[9] Risiko kadar faedah dalam akaun perbankan (*interest rate risk in the banking book*, IRRBB) mencerminkan risiko semasa atau risiko berkemungkinan terhadap modal dan pendapatan bank-bank yang berpunca daripada pergerakan negatif kadar faedah yang menjejaskan kedudukan akaun perbankan bank-bank. Risiko ini diukur sebagai peratusan daripada modal bank-bank (Disember 2024: 6.7%; Jun 2024: 6.7%).

Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung sebelum Cukai



Nota: 1. Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST2 2023 dan ST2 2024.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan Bank Tersenarai di Pasaran Saham Malaysia



Nota: Merujuk kepada median nisbah kumpulan perbankan domestik *(domestic banking group, DBG)* di Malaysia.

Sumber: Bloomberg

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah jumlah modal sistem perbankan kekal kukuh pada 18.3% daripada jumlah aset berwajaran risiko (Jun 2024: 18.5%) dengan penampan modal sebanyak RM136.8 bilion (Jun 2024: RM139.5 bilion) (Rajah 2.16). Penampan ini terus mengekalkan keupayaan bank-bank untuk membekalkan kredit kepada ekonomi serta menyerap kerugian yang tidak dijangka. Penampan modal bank-bank terus disokong oleh keuntungan daripada penilaian semula pemegangan bon dalam akaun perbankan, didorong oleh penurunan dalam kadar hasil bon domestik merentasi semua tempoh antara bulan Jun hingga Disember 2024.

Rajah 2.16: Sistem Perbankan – Permodalan



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekalan modal 2.5% serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko penularan daripada operasi luar negeri DBG kekal terhad

Operasi luar negeri[10] kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups*, DBG) kekal menguntungkan (Rajah 2.17). Hal ini terutamanya didorong oleh operasi di Singapura (mewakili 56% daripada aset operasi luar negeri) (Rajah 2.18) yang mencatatkan pendapatan faedah bersih dan bukan faedah secara berterusan. Operasi di Thailand terus mencatatkan kerugian berikutan kos kredit yang tinggi bagi peminjam bukan runcit terpilih dalam keadaan rintangan ekonomi yang berterusan. Meskipun begitu, risiko kesan limpahan kepada bank-bank induk di Malaysia kekal terhad memandangkan jumlah operasi di Thailand menyumbang kurang 2% daripada jumlah gabungan aset DBG.

Sama seperti di Malaysia, kualiti aset operasi luar negeri terus bertambah baik (Rajah 2.19). Bahagian pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman terus menurun (0.8% daripada jumlah pinjaman operasi luar negeri; Jun 2024: 0.9%). Risiko mudah tunai dan

[10] Data operasi luar negeri dari tahun 2023 dan seterusnya yang ditunjukkan dalam penerbitan ini mungkin berbeza daripada data yang dipetik dalam penerbitan terdahulu disebabkan keperluan dan metodologi pelaporan statistik yang dikemas kini.

pendanaan yang berpunca daripada operasi luar negeri DBG kekal terhad kerana operasi luar negeri terus dibiayai sebahagian besarnya oleh deposit pelanggan yang stabil (Rajah 2.20). Operasi luar negeri DBG juga terus disokong oleh penampan modal yang kukuh (purata nisbah jumlah modal pada bulan Disember 2024: 19.9%; Jun 2024: 20.6%).

Rajah 2.17: Sistem Perbankan – Pulangan atas Ekuiti Operasi Luar Negeri Mengikut Negara



Nota: 1. Purata pulangan atas ekuiti keseluruhan diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.
2. Purata pulangan atas ekuiti diberikan wajaran berdasarkan saiz operasi luar negeri setiap kumpulan perbankan domestik mengikut negara.
3. Pulangan atas ekuiti negatif bagi operasi di Thailand adalah disebabkan oleh asas ekuiti kecil dikaitkan dengan satu operasi kecil yang hanya menyumbang kira-kira 0.1% daripada jumlah gabungan aset DBG.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.18: Sistem Perbankan – Profil Aset Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.19: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar Operasi Luar Negeri



Nota: Purata nisbah pinjaman terjejas kasar diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.20: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Keuntungan keseluruhan dana insurans dan takaful berkurang berikutan prestasi pelaburan yang lebih lemah dan kerugian pengunderaitan bersih yang lebih besar

Keuntungan dana insurans hayat dan takaful keluarga, seperti yang diukur melalui lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan (*excess income over outgo*, EIOO),[11] secara keseluruhannya menurun pada separuh kedua tahun 2024 (RM4.1 bilion; ST1 2024: RM8.4 bilion) (Rajah 2.21). Penurunan ini didorong terutamanya oleh keuntungan bersih belum direalisasikan yang lebih rendah daripada portfolio pelaburan berikutan pengurangan prestasi ekuiti dan kadar hasil bon yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, EIOO untuk keseluruhan tahun 2024 meningkat daripada tahun sebelumnya kepada RM12.4 bilion (2023: RM9.4 bilion), disokong oleh prestasi pasaran ekuiti yang lebih kukuh untuk tahun itu.

Rajah 2.21: Dana Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan



Nota: 1. Data tidak termasuk dana unit berkaitan pelaburan.
2. Pendapatan pengunderaitan bersih merujuk lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[11] EIOO tidak mengambil kira perubahan dalam rizab yang perlu diperuntukkan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful bagi membayar tuntutan insurans/takaful pada masa akan datang.

Penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga (*life insurers and family takaful operators*, ITO hayat dan keluarga) mencatatkan kerugian pengunderaitan bersih yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2024. Pendapatan pengunderaitan bersih telah terjejas disebabkan oleh pembayaran perubatan lebih tinggi sebanyak RM6.2 bilion (ST1 2024: RM5.3 bilion; ST2 2023: RM5.3 billion) yang didorong terutamanya oleh peningkatan kos purata keseluruhan dan kadar penggunaan rawatan perubatan, terutamanya daripada kes-kes kronik dan akut. Keadaan ini menyebabkan premium[12] polisi insurans/sijil takaful perubatan dan kesihatan (*medical and health insurance/takaful*, MHIT) diselaraskan lebih tinggi bagi memastikan kemampanan perlindungan jangka panjang. Langkah-langkah interim telah dilaksanakan oleh industri insurans dan takaful bagi membantu individu yang terjejas akibat pelarasan premium polisi/sijil MHIT mereka. Salah satu langkah tersebut ialah pengagihan pelarasan premium yang disebabkan oleh inflasi tuntutan perubatan untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun. Langkah ini dilaksanakan untuk penentuan semula harga yang dilakukan pada tahun 2024 hingga 2026. Kesan daripada langkah interim untuk melaksanakan penentuan semula harga produk MHIT secara berperingkat, peningkatan bayaran manfaat daripada tuntutan perubatan dan penguncupan berterusan dalam perniagaan insurans hayat sertaan mungkin mengurangkan lagi pendapatan pengunderaitan bersih ITO hayat dan keluarga pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, pembaharuan struktur untuk menangani punca kenaikan kos perubatan adalah penting bagi memastikan kemampanan perniagaan MHIT.[13]

Pertumbuhan premium perniagaan baharu untuk ITO hayat dan keluarga meningkat sebanyak 6.4% pada separuh kedua tahun 2024 (ST2 2023: 6.8%; 2019–23 purata separuh tahun: 9.1%) (Rajah 2.22), didorong terutamanya oleh pertumbuhan dalam premium perniagaan baharu untuk produk berkaitan pelaburan. Segmen insurans hayat sertaan[14] terus menurun berikutan peralihan pilihan pengguna untuk mendapatkan perlindungan yang lebih menyeluruh terhadap ketidakpastian hidup seperti perlindungan perubatan dan kesihatan yang lazimnya tidak dilindungi oleh polisi insurans hayat sertaan. Produk berkaitan pelaburan yang dianggap lebih fleksibel

[12] Merujuk premium insurans dan sumbangan takaful, melainkan dinyatakan sebaliknya.

[13] Rujuk bahagian tentang "Memastikan Akses Mampan kepada Perlindungan Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan" dalam Laporan Tahunan BNM 2024 untuk maklumat terperinci.

[14] Rujuk Rencana tentang "Perniagaan Insurans Hayat Sertaan di Malaysia" dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama Tahun 2024 untuk maklumat terperinci.

Rajah 2.22: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.24: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

dijangka kekal sebagai pemacu utama bagi pertumbuhan keseluruhan premium perniagaan baharu.

Dalam sektor insurans dan takaful am, keuntungan operasi meningkat kepada RM1.9 bilion pada separuh kedua tahun 2024, disokong oleh keuntungan pengunderaitan (ST1 2024: RM1.7 bilion; ST2 2023: RM1.8 bilion) (Rajah 2.23). Prestasi pengunderaitan didorong oleh pertumbuhan dalam segmen motor (Rajah 2.24), yang mencerminkan permintaan yang lebih kukuh untuk kenderaan bermotor. Tuntutan yang lebih rendah untuk peristiwa kebakaran juga menyumbang kepada peningkatan keuntungan pengunderaitan ITO am. Meskipun banjir bermusim yang berlaku pada hujung tahun 2024 dan awal tahun 2025 mungkin memberikan kesan kepada keuntungan pengunderaitan ITO am, tuntutan daripada peristiwa itu dijangka kurang serius berbanding yang dialami pada tahun 2021.[15]

Rajah 2.23: Dana Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi



[15] Kerugian daripada peristiwa banjir pada tahun 2021 adalah lebih besar kerana melibatkan pusat ekonomi utama, seperti Kuala Lumpur dan Shah Alam.

Pelarasan premium bagi produk insurans dan takaful motor Komprehensif serta Kebakaran dan Kecurian Pihak Ketiga terus dilakukan secara beransur-ansur sepanjang separuh kedua tahun 2024. Hal ini selaras dengan peningkatan fleksibiliti harga yang diperkenalkan dalam Fasa 2A[16] bagi proses liberalisasi tarif motor dan kebakaran yang sedang dilaksanakan. Di bawah peralihan ini, kenaikan dan penurunan premium telah dapat diperhatikan. Perkara ini menunjukkan penentuan harga yang lebih terperinci dan berbeza untuk pelbagai segmen pemegang insurans motor bagi mencerminkan profil risiko masing-masing dengan lebih baik. Nisbah tuntutan bersih yang ditanggung[17] untuk perniagaan kenderaan bermotor menjadi stabil pada separuh kedua tahun 2024 (69%; ST1 2024: 69%), selepas kembali meningkat daripada paras yang rendah semasa pandemik dan berada sedikit di bawah purata sebelum pandemik sebanyak 71%.

Sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan dan terus disokong oleh kedudukan modal dan mudah tunai yang kukuh. Nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat untuk industri kekal kukuh pada 224% pada separuh kedua tahun 2024 (Jun 2024: 227%), jauh melebihi paras minimum pengawalseliaan pada 130% (Rajah 2.25). Selain itu, penampan modal agregat melebihi keperluan pengawalseliaan juga kekal lebih daripada mencukupi pada RM41.1 bilion (Jun 2024: RM37.4 bilion).

[16] ITO yang komited untuk melakukan pembaharuan bagi menambah baik ekosistem tuntutan motor (meliputi syarat-syarat kehematan dan amalan pasaran serta komitmen untuk mendigitalkan proses tuntutan motor bagi memastikan kawalan dan kecekapan yang lebih baik) akan menerima fleksibiliti penentuan harga yang lebih besar untuk produk insurans/takaful motor dan kebakaran secara beransur-ansur. Hal ini akan dilaksanakan dalam dua peringkat: Fasa 2A dan diikuti dengan Fasa 2B.

[17] Nisbah tuntutan bersih yang ditanggung merujuk nisbah tuntutan bersih yang ditanggung kepada pendapatan premium yang diperoleh.

Rajah 2.25: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada masa hadapan, prestasi ITO terus mudah terkesan akibat keadaan pasaran kewangan disebabkan oleh pemegangan pelaburan yang besar dalam bon dan ekuiti oleh ITO, serta risiko berkaitan iklim berikutan peningkatan risiko fizikal dan risiko peralihan yang boleh menjadi risiko kewangan. ITO dikehendaki menilai dedahan mereka kepada risiko berkaitan iklim menerusi Ujian Tekanan Risiko Iklim (Climate Risk Stress Testing)[18] yang pertama kali diadakan pada tahun 2025. ITO juga mungkin menghadapi kekangan untuk mengembangkan perniagaan MHIT baharu disebabkan oleh kebimbangan terhadap tekanan kos perubatan yang menyebabkan struktur harga semasa tidak mampan. Langkah-langkah yang diambil oleh ITO untuk menyediakan penyelesaian interim kepada pemegang polisi/peserta daripada penentuan semula harga premium MHIT juga dijangka menjejaskan prestasi kewangan industri. Meskipun berdepan kemungkinan rintangan ini, ITO dijangka kekal solven dengan penampan modal yang melebihi modal minimum pengawalseliaan.[19]

[18] Di bawah Kertas Kaedah Ujian Tekanan Risiko Iklim, institusi kewangan dikehendaki menyerahkan keputusan ujian mereka kepada BNM selewat-lewatnya pada 30 Jun 2025 (Kohort 1) atau 31 Disember 2025 (Kohort 2).

[19] Rujuk bahagian "Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan" untuk maklumat terperinci.

MENILAI DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN

Ujian tekanan merupakan bahagian penting dalam rangka kerja pengawasan kestabilan kewangan BNM. Setiap tahun, BNM menjalankan ujian tekanan kesolvenan makro berbilang tahun menggunakan pendekatan dari atas ke bawah (*top-down*). Ujian ini bertujuan untuk menilai potensi kesan situasi makroekonomi buruk yang berlarutan terhadap setiap bank dan syarikat insurans serta sistem kewangan yang lebih meluas. Dalam ujian tekanan kesolvenan makro ini, dua senario buruk digunakan untuk membuat simulasi impak laluan penguncupan ekonomi atau kelembapan ekonomi yang berbeza terhadap daya tahan institusi kewangan selama tiga tahun dari tahun 2025 sehingga akhir tahun 2027. Senario ini tidak menggambarkan unjuran ekonomi sebenar oleh BNM tetapi dibangunkan untuk menilai daya tahan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan yang ekstrem.

Senario buruk pertama (SB1) direka untuk menguji daya tahan institusi kewangan terhadap kejutan yang mendadak tetapi bersifat sementara dalam persekitaran operasi. SB1 mengandaikan kemelesetan ekonomi dalam negeri pada skala yang besar pada tahun 2025. Keadaan ini diikuti oleh pemulihan ekonomi yang mendadak pada tahun 2026, iaitu pertumbuhan KDNK mengalami pemulihan berbentuk V yang kukuh dan menjadi normal selepas itu. Senario buruk kedua (SB2) menguji daya tahan institusi kewangan terhadap penguncupan ekonomi yang kurang teruk namun lebih berpanjangan. SB2 mengandaikan persekitaran kemelesetan yang berterusan hingga tahun 2026 dengan pemulihan ekonomi berbentuk L yang lembap. Bagi kedua-dua senario, kejutan pertumbuhan KDNK disesuaikan kepada tahap yang serupa seperti yang diperhatikan semasa Krisis Kewangan Asia dan tempoh pandemik COVID-19. Andaian utama yang terpilih dan parameter kejutan yang digunakan dalam SB1 dan SB2 adalah seperti yang digariskan dalam Jadual 2.1.

Kejutan makroekonomi dan kewangan ini secara umumnya serupa dengan yang digunakan dalam ujian sebelumnya pada tahun 2024,[20] dengan beberapa parameter yang disemak untuk mencerminkan keadaan makroekonomi semasa. Tahap keseriusan parameter SB1 dan SB2 mencerminkan peningkatan penghindaran risiko global susulan kemungkinan perang tarif dan perang dagang menjadi bertambah buruk, ditambah pula dengan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing. Hal ini lantas mengakibatkan aliran keluar portfolio yang lebih tinggi daripada ekonomi sedang pesat membangun. Pasaran kewangan diandaikan lebih tidak menentu, dengan kadar hasil bon domestik meningkat secara ketara. Trend kenaikan ini lebih berpanjangan

Jadual 2.1: Ujian Tekanan Makro – Andaian Utama dan Parameter Kejutan Diamalkan di Bawah Senario Buruk yang Diandaikan

Andaian Utama	SB1	SB2
Pertumbuhan KDNK tahunan	Sehingga -6.0%	Sehingga -3.5%
Kadar pengangguran tahunan	Sehingga 5.4%	Sehingga 6.0%
Kejutan risiko pasaran - Peningkatan hasil bon MGS 10 tahun - Peningkatan hasil bon korporat AAA 10 tahun - Penurunan FBM KLCI	 Sehingga 300 mata asas Sehingga 420 mata asas Sehingga 30%	 Sehingga 270 mata asas Sehingga 370 mata asas Sehingga 30%
Kenaikan OPR[1]	Sehingga 100 mata asas	Sehingga 100 mata asas
Penurunan nilai MYR berbanding USD	Sehingga 30%	Sehingga 20%
Inflasi keseluruhan suku tahunan[2]	Sehingga 9.3%	Sehingga 7.3%

Nota: [1] Andaian kenaikan OPR, dalam keadaan tertentu, mungkin tidak selaras dengan senario makroekonomi tetapi diandaikan untuk mengambil kira potensi risiko penurunan.
[2] Andaian untuk inflasi keseluruhan suku tahunan mencerminkan kesan tekanan kejutan global seperti ketegangan perdagangan dan konflik geopolitik yang memberikan tekanan kepada harga tenaga dan ringgit.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[20] Rujuk bahagian "Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan" dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Kedua Tahun 2023 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

dalam SB2, disebabkan oleh keadaan kewangan global yang berlarutan ketat. Prestasi FBM KLCI merosot dan seterusnya pulih secara mendadak dalam SB1, manakala pemulihan diandaikan lebih lembap dalam SB2. Ringgit menunjukkan trend semakin lemah melepasi paras terendah yang pernah dicatatkan berbanding dolar AS berikutan ketidakpastian yang lebih besar dalam persekitaran kewangan global, dengan pelarasan yang lebih ketara pada tahun 2025 dalam SB1.

Pelaksanaan ujian tekanan menekankan aspek konservatif berbanding dengan aspek koheren makro yang ketat dalam andaian input. Hal ini membolehkan ujian tekanan mengambil kira potensi risiko tambahan bagi memastikan sistem kewangan Malaysia masih berdaya tahan untuk menghadapi gabungan pelbagai risiko yang tidak mungkin berlaku sekalipun. Misalnya, OPR diandaikan meningkat walaupun dalam persekitaran kemelesetan yang didorong oleh kejutan inflasi penawaran. Kenaikan kadar dasar diandaikan memberikan kesan terhadap keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam dan perbelanjaan faedah bank, tetapi tidak meningkatkan pendapatan faedah bank. Sementara itu, bank-bank yang menghadapi kelemahan kewangan yang berpanjangan semasa tempoh tekanan juga dikenakan kejutan mudah tunai tambahan dalam bentuk aliran keluar deposit yang buruk untuk menyerupai keyakinan pendeposit yang terjejas. Peminjam bukan PKS yang gagal dalam simulasi diandaikan akan mencetuskan kemungkiran silang dalam keseluruhan kumpulan perniagaan, meskipun anak syarikat lain berdaya maju dari segi kewangan. Andaian serupa mengenai kemungkiran silang juga digunakan pada isi rumah yang mungkir dalam membayar balik pinjaman. Ujian tekanan ini juga mengandaikan bahawa tiada pemulihan atau pembalikan dalam tahap pinjaman walaupun kemudiannya terdapat peningkatan dalam keupayaan membayar balik hutang bagi peminjam yang mungkir dalam tempoh tekanan. Selain itu, diandaikan juga tiada intervensi dasar atau langkah-langkah sokongan yang diberikan kepada peminjam atau institusi kewangan yang mengalami kesukaran.

Sistem kewangan kekal berdaya tahan meskipun dikenakan simulasi kejutan yang teruk.

Di bawah persekitaran makroekonomi yang teruk yang diandaikan dalam kedua-dua senario ini, sistem perbankan Malaysia dijangka kekal berdaya tahan.

Kerugian kredit dijangka menjadi punca sebahagian besar kerugian yang diunjurkan. Secara keseluruhan, kerugian kredit kumulatif sepanjang tempoh 3 tahun dianggarkan sebanyak RM77 bilion dan RM90.8 bilion masing-masing di bawah SB1 dan SB2 (atau bersamaan dengan 58% dan 63% daripada jumlah kerugian masing-masing). Khususnya, bank-bank dijangka menghadapi kemungkiran yang lebih tinggi selepas kejutan, yang berpunca daripada peminjam isi rumah yang berhadapan dengan kejutan inflasi yang lebih tinggi. Sementara itu, beberapa peminjam korporat besar diunjurkan mungkir disebabkan oleh kedudukan kewangan mereka yang sememangnya lemah, manakala kelemahan ekonomi yang berpanjangan akan terus memberikan kesan terhadap PKS (Rajah 2.26). Kerugian daripada risiko kadar faedah dalam akaun perbankan, didorong oleh kadar hasil bon yang lebih tinggi, menjadi sumber anggaran kerugian yang kedua terbesar. Kerugian penilaian semula sekuriti bank yang dipegang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income,* FVOCI) dijangka menghakis penampan modal bank-bank masing-masing sebanyak RM52.3 bilion dan RM50.3 bilion dalam SB1 dan SB2 (SB1: 39%; SB2: 35% daripada jumlah kerugian). Sebaliknya, kerugian akaun dagangan yang didorong terutamanya oleh bon, ekuiti dan pergerakan FX adalah tidak ketara dalam kedua-dua senario (SB1: 3.2%; SB2: 2.3% daripada jumlah kerugian) (Rajah 2.27). Kerugian daripada operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups,* DBG) juga dijangka tidak menimbulkan risiko yang ketara terhadap daya tahan keseluruhan, iaitu hanya mencakupi 11% daripada kerugian kredit kumulatif dan berpunca terutamanya daripada kemungkiran syarikat korporat besar.

Menjelang akhir tempoh tekanan pada tahun 2027, pinjaman terjejas keseluruhan diunjurkan akan meningkat kepada 8% dan 9% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan masing-masing di bawah SB1 dan SB2, didorong terutamanya oleh peminjam isi rumah (Rajah 2.28). Peminjam isi rumah yang berisiko mungkir terus terdiri sebahagian besarnya daripada golongan yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan (62%) berikutan penampan kewangan yang secara relatif lebih rendah berbanding segmen pendapatan lain (Rajah 2.29). Walau bagaimanapun, segmen peminjam ini mencakupi bahagian yang lebih kecil (36%) daripada pinjaman terjejas baharu mengikut nilai kerana saiz dedahan yang lebih kecil. Sebagai perbandingan, peminjam yang berpendapatan antara RM5,000 hingga RM10,000 sebulan membentuk bahagian yang lebih besar (45%) daripada pinjaman terjejas baharu mengikut nilai. Ujian tekanan ini juga menunjukkan bahawa

Rajah 2.26: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Kerugian Kredit Kumulatif di Bawah Senario Buruk 2



u Unjuran

Note: 1. (...) merujuk % daripada kos kredit kumulatif keseluruhan.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.27: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Kerugian Utama di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Risiko pasaran termasuk kerugian penilaian semula daripada pemegangan bon dalam portfolio nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*, FVOCI).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.28: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



u Unjuran

Nota: Angka-angka pinjaman terjejas termasuk dedahan daripada operasi luar negara DBG terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.29: Ujian Tekanan Makro: Sektor Isi Rumah – Profil Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

peminjam yang mempunyai tahap keberhutangan yang tinggi[21] kurang berdaya tahan apabila kejutan teruk berlaku, dengan kemungkiran meningkat lebih pantas bagi peminjam yang mempunyai DSR melebihi 60%. Kumpulan ini mencakupi lebih daripada 75% peminjam isi rumah yang mungkir. Bagi perniagaan, bukan PKS membentuk sebahagian besar daripada pinjaman terjejas perniagaan yang meningkat dalam SB2 (64%), sepadan dengan saiz pinjaman terkumpul yang lebih besar dan andaian kegagalan silang yang konservatif.

PKS membentuk baki 36% daripada pinjaman terjejas perniagaan dengan unjuran mungkir yang lebih tinggi terutamanya dalam SB2 (1.5%; SB1: 1% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan). Keadaan ini telahpun dijangka memandangkan penampan tunai PKS yang terhad dan lebih kecil di bawah tempoh tekanan yang berpanjangan.

Keuntungan sistem perbankan secara keseluruhan dijangka merosot dengan ketara pada tahun awal tekanan disebabkan terutamanya oleh kos kredit yang lebih tinggi. Walaupun pendapatan faedah bersih juga akan menurun secara mendadak berikutan kos pendanaan yang meningkat, keadaan ini dijangka pulih secara beransur-ansur pada tahun-tahun berikutnya, selanjutnya menyebabkan pemulihan keuntungan dan penampan modal. Kerugian yang dijangkakan daripada operasi luar negeri adalah ketara bagi beberapa DBG besar tetapi kesannya dapat dikurangkan oleh penampan modal yang kukuh yang dimiliki oleh entiti luar negeri masing-masing.

Nisbah modal agregat sistem perbankan kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan di bawah kedua-dua senario (Rajah 2.30). Walau bagaimanapun, kesan terhadap setiap bank bergantung pada profil risiko masing-masing. Sebanyak tiga bank,[22] yang mencakupi hanya 2% daripada jumlah aset sistem perbankan, diunjurkan tidak akan mematuhi keperluan modal

Rajah 2.30: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Modal di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



u Unjuran

Sumber: Bank Negara Malaysia

[21] Merujuk peminjam dengan nisbah bayaran balik hutang melebihi 60%.

[22] Merujuk kumpulan perbankan atau bank tunggal jika bukan milik kumpulan perbankan yang lebih besar, mengikut mana-mana yang berkenaan.

minimum pengawalseliaan di bawah kedua-dua senario buruk itu. Bank-bank ini menunjukkan ciri-ciri lazim, iaitu tahap leveraj yang lebih tinggi dan keuntungan yang lebih rendah, ditambah pula dengan bahagian bon FVOCI yang lebih tinggi yang terdedah kepada kerugian penilaian semula (Rajah 2.31). Dalam SB2, tambahan 10 bank mungkin memerlukan modal tambahan untuk mengekalkan sasaran modal dalaman masing-masing. Walau bagaimanapun, 10 bank ini akan mampu terus memenuhi keperluan modal minimum pengawalseliaan.

Rajah 2.31: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Ciri-ciri Umum Bank-bank Gagal dalam Kedudukan Sebelum Tekanan (2024)



Nota: 1. Bank-bank gagal merujuk bank yang tidak mematuhi keperluan modal pengawalseliaan minimum dalam senario ujian tekanan.
2. Nilai rajah diseragamkan menggunakan skor-z, iaitu nilai yang lebih besar pada paksi tertentu menandakan risiko yang lebih tinggi mengikut ciri tersebut.
3. "Nisbah leveraj Kumpulan 1" merujuk kepada modal Kumpulan 1 dibahagikan dengan jumlah aset.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank-bank yang menghadapi kelemahan kewangan yang berterusan[23] atau yang nisbah modalnya menyusut kurang daripada paras minimum pengawalseliaan juga diandaikan akan mengalami kejutan mudah tunai tambahan[24] dalam bentuk aliran keluar deposit yang teruk. Di bawah senario ini, sebanyak sembilan bank akan mengalami penyusutan tahap LCR[25] sehingga kurang daripada 100%. Namun begitu, semua bank mengekalkan stok HQLA tidak terikat yang mencukupi untuk memenuhi permintaan aliran tunai yang meningkat. Hal ini mencerminkan kedudukan mudah tunai permulaan yang kukuh bagi bank-bank, dengan LCR sistem perbankan kini berada pada 171% setakat bulan Disember 2024.

Pelaksanaan ujian tekanan kesolvenan berserta dengan ujian tekanan mudah tunai tambahan terus mengesahkan bahawa bank-bank kekal berdaya tahan dalam menghadapi kejutan makroekonomi, kewangan dan mudah tunai yang teruk. Sistem perbankan dijangka mempunyai keupayaan yang mencukupi untuk mengekalkan pinjaman kepada ekonomi, walaupun semasa tempoh kemerosotan.

Ujian tekanan kesolvenan makro untuk penanggung insurans menyertakan andaian tambahan yang khusus untuk sektor insurans. Andaian ini sebahagian besarnya serupa dengan andaian yang digunakan dalam pelaksanaan ujian tekanan pada tahun 2024.[26] Secara keseluruhan, agregat CAR sektor insurans dinilai kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan (Rajah 2.32). Risiko pasaran kekal sebagai punca utama bagi kerugian penanggung insurans hayat dan insurans am disebabkan oleh pemegangan pelaburan bon dan ekuiti yang besar (Rajah 2.33). Peningkatan kadar hasil bon ditambah dengan prestasi pasaran ekuiti yang lemah dalam kedua-dua senario terus menjejaskan prestasi pelaburan syarikat insurans. Penanggung insurans hayat dijangka mengalami kerugian pengunderaitan bersih yang berterusan sepanjang tempoh tekanan dalam SB2 disebabkan oleh kesan daripada pembayaran manfaat yang diandaikan, termasuk bayaran tuntutan perubatan dan penyerahan (*surrenders*). Walau bagaimanapun, penilaian semula liabiliti yang menurun disebabkan oleh peningkatan kadar hasil bon dijangka dapat mengurangkan sebahagian kesan terhadap CAR masing-masing.

[23] Merujuk bank-bank yang mengalami kerugian sekurang-kurangnya dua suku tahun berturut-turut atau sekurang-kurangnya dua tahun kerugian tahunan.

[24] Tekanan aliran keluar yang dikenakan pada deposit setiap bank diandaikan sebanyak sekurang-kurangnya 16% berdasarkan penandaarasan pengalaman bank yang terkesan pada peringkat global baru-baru ini.

[25] LCR yang digunakan dalam ujian tekanan merujuk kedudukan ringgit Malaysia sahaja.

[26] Rujuk Jadual 2.2 dalam bahagian "Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan" dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Kedua Tahun 2023 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Rajah 2.32: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans – Nisbah Kecukupan Modal (CAR) di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.33: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans – Punca Kerugian di Bawah Senario Buruk 1



Sumber: Bank Negara Malaysia

Di bawah SB1, dua penanggung insurans hayat yang mencakupi kurang 8% daripada jumlah aset insurans diunjurkan tidak akan mematuhi paras minimum pengawalseliaan iaitu 130% selepas kejutan. Sebanyak 10 penanggung insurans (yang menjadikan sejumlah 12 penanggung insurans yang terlibat) juga akan mengalami kemerosotan hingga mencecah kurang daripada paras modal sasaran individu[27] (*individual target capital level*, ITCL). Dalam pelaksanaan ujian tekanan semasa, penilaian juga dibuat terhadap potensi kesan daripada kekangan yang dihadapi oleh penanggung insurans untuk menetapkan semula premium insurans perubatan yang sedia ada sepanjang tempoh tekanan.[28] Kejutan sedemikian dijangka meningkatkan bilangan penanggung insurans hayat yang dianggarkan mengalami kemerosotan ke paras kurang daripada ITCL masing-masing sepanjang tempoh tekanan, dibandingkan dengan andaian kejutan pada garis dasar. Hal ini merangkumi beberapa penanggung insurans yang lebih besar yang akan mengalami kerugian insurans perubatan melebihi penambahbaikan kedudukan modal mereka berikutan pemulihan ekonomi yang diandaikan dalam SB1. Kekurangan modal untuk memulihkan ITCL bagi semua penanggung insurans hayat yang terjejas dianggarkan berjumlah RM8.8 bilion.[29] Keupayaan untuk menetapkan semula premium akan meningkatkan daya tahan penanggung insurans hayat terhadap tekanan, kerana hasil yang diterima akan membolehkan penanggung insurans hayat untuk terus menampung kos tuntutan perubatan. Oleh itu, pembaharuan jangka panjang untuk membendung inflasi kos perubatan adalah sangat penting untuk memastikan kemampanan perniagaan insurans perubatan.

Bagi penanggung insurans am, premium yang lebih rendah berikutan persaingan harga dalam segmen motor dan kebakaran serta tuntutan yang lebih tinggi disebabkan oleh kos pembaikan motor yang lebih mahal dan peningkatan insiden penipuan akan terus memberikan tekanan kepada CAR masing-masing. Sebanyak empat penanggung insurans am, yang mencakupi kurang 5% daripada jumlah aset insurans, diunjurkan tidak akan mematuhi paras minimum pengawalseliaan selepas kejutan CAR. Ujian tekanan kesolvenan makro insurans juga mengambil kira keupayaan penanggung insurans untuk memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek dalam keadaan tertekan. Ujian ini dilengkapi dengan penilaian mudah tunai terhadap keupayaan penanggung insurans untuk memenuhi obligasi seperti pembayaran manfaat polisi yang lebih tinggi untuk tuntutan perubatan dan penyerahan, serta tuntutan banjir. Penilaian mudah tunai mengesahkan bahawa penanggung insurans mempunyai aset cair yang mencukupi dan dapat memenuhi obligasi ini.

[27] ITCL ialah tahap intervensi penyeliaan yang menjadi titik jangkaan pengaktifan pelan pengurusan modal oleh penanggung insurans untuk memelihara dan memulihkan modal. Tahap intervensi yang pertama ini adalah lebih tinggi daripada tahap minimum pengawalseliaan.

[28] Kejutan tambahan yang dikenakan adalah lebih teruk daripada langkah-langkah interim yang dilaksanakan pada bulan Disember 2024. Rujuk siaran akhbar BNM bertarikh 20 Disember 2024 tentang "Langkah-langkah interim untuk membantu pemegang polisi serta menggalakkan akses berterusan kepada produk insurans/takaful perubatan dan kesihatan yang bersesuaian" untuk mendapatkan maklumat lanjut.

[29] Anggaran jumlah kekurangan modal juga mencerminkan kesan keadaan makroekonomi yang teruk, dan bukan kesan kejutan berkaitan perubatan secara khususnya.

Panduan Aplikasi *Hajah* dan *Darurah* dalam Kewangan Islam

Konsep *hajah* dan *darurah*

Dalam kewangan Islam, setiap pihak yang terlibat mempunyai tanggungjawab asas untuk mematuhi Syariah sepenuhnya. Hal ini memerlukan institusi kewangan Islam (IKI) melaksanakan urus niaga atau menjalankan amalan yang mematuhi keperluan Syariah sepenuhnya. Walau bagaimanapun, dalam amalan semasa, wujud situasi mencabar untuk mematuhi Syariah sepenuhnya kerana sistem kewangan Islam Malaysia beroperasi dalam ekosistem domestik dan antarabangsa yang lebih luas. Ekosistem ini merangkumi kewangan konvensional yang mengamalkan unsur-unsur yang mungkin bercanggah dengan keperluan Syariah seperti riba atau ketidakpastian yang berlebihan.

Sebagai contoh, untuk menawarkan produk dan perkhidmatan pelbagai mata wang, IKI di Malaysia perlu membuka akaun nostro di bank koresponden di negara lain. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan akaun nostro patuh Syariah tidak dapat dibuka di tempat yang tidak menawarkan kewangan Islam atau hanya menawarkannya secara terhad. Dalam situasi ini, pematuhan sepenuhnya terhadap Syariah akan menyebabkan IKI tidak dapat menawarkan perkhidmatan sedemikian. Hal ini seterusnya akan menjejaskan peranannya sebagai pengantara kewangan kerana IKI tidak dapat memberikan khidmat kepada pelanggan dan memenuhi keperluan ekonomi. Oleh itu, konsep *hajah* dan *darurah* menyediakan panduan mengenai keadaan yang membolehkan pengecualian daripada keputusan Syariah, tertakluk kepada parameter yang ditetapkan. Dalam hal ini, Syariah mengiktiraf bahawa kesukaran dan kekangan operasi sedemikian mungkin wujud lantas menyediakan kaedah penyelesaian yang pragmatik.[1]

Hajah merujuk situasi timbulnya kesukaran disebabkan oleh keadaan yang tidak dapat dielakkan, yang memerlukan pematuhan separa atau kelonggaran sementara bagi keputusan tertentu (Gambar Rajah 1). Langkah ini bertujuan mengurangkan kemudaratan (*mafsadah*) dan memaksimumkan manfaat (*maslahah*). Sebagai contoh, pengendali takaful boleh memindahkan risiko khusus tertentu kepada syarikat insurans semula sekiranya kapasiti takaful semula tidak mencukupi untuk menyerap risiko tersebut.

Gambar Rajah 1: Kriteria Penilaian bagi Menentukan "Situasi Kesukaran"



Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Seperti yang dinyatakan dalam al-Quran, "*Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.*" (Surah Al-Baqarah, 2:185).

Sementara itu, *darurah* merujuk situasi ekstrem yang berisiko menjejaskan kesolvenan atau mudah tunai institusi kewangan, yang mengizinkan tindakan yang lazimnya dilarang oleh Syariah. Kelonggaran ini diberikan lantaran Syariah mengutamakan pemeliharaan nyawa dan harta dalam keadaan tertentu berbanding dengan pematuhan yang ketat terhadap larangan Syariah. Sebagai contoh, IKI boleh mendapatkan pendanaan daripada sumber konvensional semasa proses penyelesaian, jika pendanaan patuh Syariah tidak tersedia.

Aplikasi *hajah* dan *darurah* dalam kewangan Islam

Dalam usaha BNM untuk memartabatkan sektor kewangan Islam yang mantap dan progresif melalui aplikasi pengecualian terhadap keputusan Syariah secara berhemat, BNM menerbitkan Dokumen Dasar *Hajah* dan *Darurah* (*Hajah* and *Darurah* Policy Document, HD PD). HD PD bertujuan menyediakan panduan yang lebih jelas mengenai aplikasi konsep *hajah* dan *darurah* selaras dengan prinsip-prinsip asas Syariah. HD PD juga bertujuan menyelaraskan amalan industri bagi mengurangkan risiko ketidakpatuhan Syariah dengan berkesan. Tambahan pula, HD PD memudahkan pengawasan pengawalseliaan melalui parameter *hajah* dan *darurah* yang diseragamkan (Gambar Rajah 2) yang membolehkan interpretasi yang tekal serta keputusan Jawatankuasa Syariah (JKS) IKI dibuat berdasarkan maklumat mencukupi.

Gambar Rajah 2: Elemen Utama dalam Aplikasi *Hajah* dan *Darurah*



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam menerapkan konsep *hajah* dan *darurah*, IKI perlu menilai dengan teliti pelbagai faktor berkaitan dengan pengkategoriannya (Gambar Rajah 3). Langkah ini diambil untuk memastikan bahawa sebarang pengecualian terhadap pematuhan Syariah diiktiraf oleh JKS IKI dan Majlis Penasihat Shariah (MPS), sekali gus memelihara integriti dan kredibiliti sektor kewangan Islam.

Gambar Rajah 3: Tiga Kategori *Hajah* dan *Darurah*



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aspek utama penilaian ini ialah memahami tahap dan kesan kesukaran yang terlibat, termasuk sama ada kesukaran itu menjejaskan segmen masyarakat secara meluas atau khusus pada IKI tertentu. Prinsip kesepadanan (*proportionality*) memastikan bahawa pengecualian yang diberikan sepadan dengan tahap serius kesukaran yang dihadapi, lantas mencegah penyimpangan yang tidak perlu daripada prinsip Syariah. Selain itu, penting untuk menilai sama ada kesukaran tersebut memerlukan apa-apa tindakan pemulihan, seterusnya memerlukan pengecualian sementara yang khusus berhubung dengan pematuhan Syariah. Aplikasi keputusan MPS berkenaan dengan *hajah* dan *darurah* bersifat sementara kepada kesukaran khusus yang dihadapi. Hal ini menekankan komitmen untuk kembali kepada pematuhan Syariah sepenuhnya sebaik sahaja kesukaran itu diatasi. Keseimbangan yang teliti ini mengambil kira keperluan fleksibiliti dengan pertimbangan objektif utama Syariah, bagi memastikan bahawa tindak balas yang diambil disesuaikan dengan tahap serius dan skop kesukaran.

Kesimpulan

Dalam usaha mencapai pertumbuhan dan inovasi yang mampan, HD PD adalah penting untuk memastikan IKI terus beroperasi dalam sempadan yang patuh Syariah, sambil mengharungi kesukaran berpandukan rangka kerja tadbir urus yang mantap. Pematuhan IKI terhadap sempadan ini akan menghasilkan aplikasi konsep *hajah* dan *darurah* yang lebih tekal dan tegas, seterusnya meningkatkan kepercayaan dan kredibiliti dalam amalan IKI. Sebagai inisiatif rintis, HD PD berpotensi menjadi rujukan bagi komuniti kewangan Islam global, sekali gus menggalakkan amalan terbaik dan mempertingkatkan daya tahan ekosistem yang lebih luas.

Pelaksanaan Pendekatan Standard untuk Risiko Kredit: Semakan Utama di bawah Basel III dan Kesan Terhadap Bank-bank

Pada tahun 2017, Basel Committee on Banking Supervision (BCBS) telah memuktamadkan komponen utama rangka kerja modal yang dikemas kini untuk bank-bank, iaitu Basel III. Semakan rangka kerja ini bertujuan untuk menangani kelemahan yang dikenal pasti daripada krisis kewangan global tahun 2008. Salah satu komponen utama semakan rangka kerja ini adalah berkenaan pengiraan aset berwajaran risiko (*risk-weighted assets*, RWA) untuk risiko kredit, pasaran dan operasi untuk lebih mencerminkan risiko dedahan tersebut.

BNM komited untuk menyelaraskan rangka kerja modal domestik dengan Basel III. Pelarasan ini bertujuan untuk meningkatkan daya tahan sistem perbankan negara terhadap sebarang kejutan yang mungkin berlaku dan memastikan bank-bank terus menyokong keperluan pembiayaan Malaysia. Selaras dengan komitmen ini, BNM telah menerbitkan rangka kerja modal yang telah disemak semula untuk risiko kredit di bawah pendekatan standard, iaitu Pendekatan Standard untuk Risiko Kredit (Standardised Approach for Credit Risk, SA) pada November 2024. SA mengukuhkan penampan modal bank-bank untuk menghadapi kejutan melalui dua cara (Gambar Rajah 1):

i. Memperbaiki kualiti dan kebolehpercayaan penarafan kredit yang digunakan dalam pengiraan modal dengan memastikan bank-bank melakukan penilaian usaha wajar secara kendiri terhadap peminjam dan tidak bergantung sepenuhnya pada penarafan kredit luaran.
ii. Meningkatkan kepekaan risiko dan kemantapan SA dalam pengiraan modal.

Penambahbaikan ini juga akan menjadikan SA lebih selaras dengan Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman untuk Risiko Kredit (Internal Ratings-based Approach for Credit Risk, IRB).

Gambar Rajah 1: Ringkasan Semakan SA



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keperluan penilaian usaha wajar

Di bawah Basel II, bank-bank boleh menggunakan kredit luaran oleh agensi penarafan untuk menentukan wajaran risiko bagi dedahan terhadap risiko kredit korporat. Keperluan penilaian usaha wajar yang diperkenalkan dalam Basel III memastikan bahawa bank-bank mempunyai pemahaman yang mendalam tentang risiko asas yang terdedah kepada mereka dan tidak bergantung pada penarafan kredit luaran semata-mata. Jika bank-bank mendapati penarafan kredit luaran tidak

mengambil kira risiko asas sepenuhnya, mereka perlu menyemak semula penarafan kredit dan meningkatkan wajaran risiko pengawalseliaan untuk dedahan tersebut.

Di Malaysia, di bawah jangkaan pengurusan risiko kredit BNM, bank-bank sudah dikehendaki menjalankan penilaian risiko kredit[1] ke atas peminjam, dengan mengambil kira semua faktor berkaitan termasuk risiko makroekonomi, risiko urus niaga, risiko rakan niaga dan risiko negara semasa menentukan penarafan kredit. Di samping itu, apabila menggunakan penarafan kredit luaran, bank-bank perlu menunjukkan bahawa mereka mempunyai pemahaman yang baik tentang kaedah penarafan yang digunakan oleh agensi penarafan. Oleh itu, keperluan penilaian usaha wajar di bawah Basel III akan menyelaraskan penarafan kredit yang digunakan untuk tujuan pengurusan risiko dalaman dan tujuan pengiraan modal. Bank-bank yang beroperasi di Malaysia dijangka dapat melaksanakan keperluan penilaian usaha wajar di bawah Basel III. Kecanggihan amalan penilaian usaha wajar bank akan bergantung pada saiz dan kerumitan aktiviti pembiayaan mereka.

Penyesuaian semula wajaran risiko untuk kelas-kelas aset utama

Di bawah Basel II, terdapat beberapa kelas aset yang diberikan wajaran risiko sama rata atau diberikan wajaran risiko yang terhad. Kesannya, wajaran risiko yang ditetapkan di bawah Basel II tidak cukup terperinci untuk membezakan antara profil risiko dedahan yang berbeza dan kurang sensitif terhadap perubahan dalam profil risiko berbanding dengan wajaran risiko yang digunakan di bawah pendekatan IRB.

Selaras dengan Basel III, beberapa kelas aset baharu dengan wajaran risiko yang lebih terperinci telah diperkenalkan di bawah SA untuk meningkatkan kepekaan wajaran risiko dan mempertingkatkan perbandingan dengan IRB. Penyesuaian semula ini menjejaskan terutamanya wajaran risiko untuk pembiayaan kepada: (i) dedahan korporat, dan (ii) dedahan harta tanah.

i. Dedahan korporat

Di bawah Basel III, dedahan korporat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu korporat am, PKS korporat dan pembiayaan khusus (*specialised financing*) (Gambar Rajah 2) untuk lebih mencerminkan ciri asas dan profil risiko pelbagai jenis dedahan korporat.

Gambar Rajah 2: Dedahan Korporat di bawah Basel II dan Basel III



Subkelas aset baharu yang diperkenalkan di bawah Basel III

* Jumlah pembiayaan oleh bank-bank, berdasarkan penyerahan Kajian Impak Kuantitatif oleh bank-bank bagi kedudukan pada 31 Disember 2023.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Keperluan yang ditetapkan dalam dokumen dasar Risiko Kredit.

Di Malaysia, dedahan korporat yang utama adalah korporat am dan PKS korporat. Berdasarkan Kajian Impak Kuantitatif (Quantitative Impact Study, QIS)[2] yang dilaksanakan semasa proses konsultasi industri, sebanyak 31% daripada jumlah dedahan korporat akan layak dikelaskan sebagai dedahan PKS korporat dan diberikan wajaran risiko yang lebih rendah, iaitu 85%. Di bawah Basel II, dedahan PKS ini lazimnya tidak ditaraf dan diberikan wajaran risiko sebanyak 100%. Dedahan pembiayaan khusus pada masa ini adalah kecil, mencakupi kurang 1% daripada jumlah pembiayaan, dengan sebahagian besarnya merupakan kewangan projek. Di bawah Basel III, wajaran risiko untuk kewangan projek dibahagikan kepada tiga kumpulan wajaran risiko. Kumpulan ini membezakan risiko projek berdasarkan kitaran hayatnya dan mengiktiraf ciri-ciri tertentu projek yang menjadikannya berkualiti tinggi.

ii. Dedahan harta tanah

Basel III memperkenalkan pengelasan aset yang lebih terperinci untuk dedahan harta tanah, iaitu harta tanah kediaman (*residential real estate*, RRE), harta tanah komersial (*commercial real estate*, CRE), pembelian tanah untuk pembangunan dan pembinaan (*land acquisition, development, and construction*, *land ADC*) atau ADC tanah serta harta tanah lain (Gambar Rajah 3).

RRE dan CRE seterusnya dibahagikan kepada dedahan yang menghasilkan pendapatan dan dedahan yang tidak menghasilkan pendapatan. Pembahagian ini berdasarkan cara pembiayaan dijangka dibayar balik, iaitu sama ada bayaran balik bergantung pada aliran tunai yang dijana oleh cagaran harta tanah (menghasilkan pendapatan) atau berdasarkan keupayaan peminjam untuk membayar balik pembiayaan (tidak menghasilkan pendapatan). Di samping itu, wajaran risiko untuk dedahan ini disesuaikan agar lebih sensitif terhadap risiko kepada tahap cagarannya, iaitu nisbah pembiayaan kepada nilai (*financing-to-value*, FTV).

Dedahan ADC tanah diberikan wajaran risiko yang lebih tinggi kerana sumber bayaran balik pembiayaan terdedah kepada risiko prestasi pembinaan projek.

Gambar Rajah 3: Dedahan Harta Tanah di bawah Basel II dan Basel III



+ **Subkelas aset baharu yang diperkenalkan di bawah Basel III**

* Jumlah pembiayaan oleh bank-bank, berdasarkan penyerahan Kajian Impak Kuantitatif oleh bank-bank bagi kedudukan pada 31 Disember 2023.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[2] QIS dikeluarkan pada tahun 2023, bersama-sama dengan draf dedahan mengenai SA.

Berdasarkan QIS, sekitar 60% daripada dedahan harta tanah bank-bank di Malaysia di bawah SA ialah dedahan RRE. Daripada jumlah ini, lebih separuh daripada dedahan akan layak diberikan wajaran risiko yang lebih rendah berdasarkan pengelasan FTV yang lebih terperinci (Gambar Rajah 4).

Gambar Rajah 4: Dedahan Harta Tanah bagi Bank-bank SA

Harta tanah kediaman yang tidak menghasilkan pendapatan membentuk lebih separuh daripada dedahan harta tanah bagi bank-bank SA

Pecahan dedahan harta tanah (%)*



Lebih separuh daripada dedahan RRE mempunyai FTV 80% dan ke bawah

Pecahan dedahan pembiayaan berbayar mengikut FTV (%)*

(1) Harta Tanah Kediaman (RRE)



(2) Harta Tanah Komersial (CRE)



* Berdasarkan penyerahan Kajian Impak Kuantitatif oleh bank-bank bagi kedudukan pada 31 Disember 2023.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Basel III juga menghendaki bank-bank untuk mengira nisbah FTV menggunakan nilai harta tanah pada titik permulaan pembiayaan. Pendekatan ini bertujuan untuk mengurangkan kesan turun naik harga yang mendadak semasa kenaikan atau kejatuhan nilai harta tanah yang boleh mengakibatkan kitaran berlebihan pada wajaran risiko. Hal ini, akhirnya menjejaskan modal dan pemberian pinjaman oleh bank.

Jangkaan impak terhadap modal bank-bank

Hasil daripada QIS yang dijalankan oleh BNM berdasarkan dedahan terkumpul setakat 31 Disember 2023, menunjukkan bahawa perubahan kepada SA dijangka mempunyai kesan neutral terhadap modal bank-bank. Pada peringkat industri, jumlah nisbah modal keseluruhan bank yang menggunakan SA akan meningkat sebanyak 25 mata asas. Walau bagaimanapun, kesan kepada setiap bank adalah berbeza, bergantung pada portfolio pembiayaan dan profil risiko mereka (Gambar Rajah 5).

SA akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2026.

Gambar Rajah 5: Portfolio Pembiayaan



Nota:
* Dengan andaian bahawa pertumbuhan nilai harta tanah kekal stabil.

Berdasarkan penyerahan Kajian Impak Kuantitatif oleh bank-bank bagi kedudukan pada 31 Disember 2023.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mengendalikan Peralihan Sektor Kewangan kepada Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan

Susulan penggubalan piawaian penzahiran kemampanan (piawaian ISSB) oleh (International Sustainability Standards Board ISSB)[1] pada bulan Jun 2023, Malaysia telah membangunkan Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (National Sustainability Reporting Framework, NSRF), yang diketuai oleh Jawatankuasa Penasihat mengenai Pelaporan Kemampanan (Advisory Committee on Sustainability Reporting, ACSR).[2] NSRF yang diterbitkan pada bulan September 2024, menyediakan garis masa dan pendekatan untuk penggunaan piawaian ISSB[3] sebagai piawaian asas penzahiran kemampanan di Malaysia. Pada dasarnya, NSRF menghendaki syarikat-syarikat menyediakan penzahiran yang konsisten dan setara untuk meningkatkan kredibiliti laporan dan menggalakkan proses membuat keputusan serta libat urus pihak berkepentingan yang lebih baik.

Gambar Rajah 1 memberikan ringkasan mengenai NSRF dan sokongan yang disediakan untuk memudahkan penggunaan piawaian ini. Rencana ini membincangkan kemajuan institusi-institusi kewangan untuk menghasilkan penzahiran berkaitan iklim dan implikasi NSRF terhadap mereka.

Gambar Rajah 1: Ringkasan Mengenai Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan dan Sokongan yang Disediakan



* PACE ialah inisiatif yang dibangunkan untuk membantu penerapan NSRF. Empat ciri utama PACE ialah panduan dasar (*policy guidance*, P), andaian (*assumptions*, A), kalkulator pengiraan pelepasan (*emission calculators*, C) dan sumber pendidikan (*educational resources*, E).

Sumber: Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan

[1] ISSB ialah badan bersekutu International Accounting Standards Board (IASB) yang ditubuhkan oleh International Financial Reporting Standards Foundation (IFRS Foundation) pada tahun 2021. Badan ini dipertanggungjawabkan untuk membentuk piawaian penzahiran kemampanan IFRS dan menyediakan piawaian asas global untuk penzahiran kemampanan.

[2] ACSR ialah jawatankuasa antara agensi kebangsaan yang ditubuhkan dengan sokongan Kementerian Kewangan dan dipengerusikan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC). Ahli-ahlinya terdiri daripada wakil daripada Lembaga Pemantauan Audit (Audit Oversight Board, AOB) SC, Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Bursa Malaysia Berhad dan Yayasan Laporan Kewangan.

[3] Secara khususnya, IFRS S1 berkenaan Keperluan Am Penzahiran Maklumat Kewangan Berkaitan Kemampanan dan IFRS S2 berkenaan Penzahiran Berkaitan Iklim.

Pelaksanaan penzahiran berkaitan iklim oleh institusi kewangan

Seperti yang digariskan dalam Dokumen Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (Climate Risk Management and Scenario Analysis Policy Document, CRMSA PD) oleh BNM, institusi kewangan dikehendaki untuk mengeluarkan penzahiran berkaitan iklim[4] selaras dengan saranan Pasukan Petugas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-related Financial Disclosures, TCFD) Financial Stability Board mulai tahun 2024. Bagi tujuan ini, beberapa institusi kewangan domestik yang lebih besar telah mula menghasilkan penzahiran yang selaras dengan TCFD dalam laporan berkaitan kelestarian mereka untuk tahun 2023. Institusi kewangan yang lain pula sedang dalam proses untuk mengeluarkan penzahiran pertama yang selaras dengan TCFD berserta penyata kewangan 2024 mereka. Secara amnya, perkembangan yang memberangsangkan dilihat dalam bidang yang berikut:

i. Dasar dan proses tadbir urus telah disediakan untuk memastikan penghasilan penzahiran yang berkualiti tinggi dan mengurangkan risiko *greenwashing*. Lembaga pengarah institusi kewangan terus melakukan pemantauan yang teliti untuk memastikan maklumat berkaitan dedahan iklim dan risiko iklim dalam penyata kewangan adalah tepat dan lengkap.
ii. Terdapat bank dan syarikat insurans yang ingin meningkatkan kredibiliti maklumat yang dizahirkan dengan mendapatkan pengesahan daripada pihak ketiga untuk maklumat khusus, seperti pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gas*, GHG) Skop 1 dan Skop 2. Langkah ini akan melengkapkan proses pengesahan dalaman mereka serta membolehkan bank dan syarikat insurans bersedia untuk memenuhi keperluan jaminan luaran mandatori yang dijangka akan berkuat kuasa seawal tahun 2027. Penyedia pengesahan luaran boleh terdiri daripada pengamal perakaunan dan juga bukan perakaunan.
iii. Bagi institusi kewangan yang memanfaatkan laporan disatukan daripada syarikat induk mereka di luar negara, laporan tersebut juga mengemukakan maklumat penting tentang operasi di Malaysia dan memberikan analisis tentang cara dasar syarikat induk mempengaruhi operasi tempatan.

Keperluan terhadap data berkualiti tinggi dan boleh dipercayai terus menjadi cabaran utama, khususnya apabila melibatkan data khusus berkaitan pelanggan dan rakan niaga. Pemerhatian mendapati institusi kewangan memanfaatkan:

i. Penggunaan proksi,[5] seperti pelepasan GHG purata sektor sebagai input model untuk menganggarkan kemungkinan kerugian daripada dedahan terhadap risiko berkaitan iklim.
ii. Sistem penilaian yang dibangunkan secara dalaman, seperti sistem penilaian risiko banjir yang dibina berdasarkan data sejarah daripada agensi awam dengan kerjasama daripada penyedia perkhidmatan luaran atau data yang dikumpulkan dalam repositori data dalaman untuk akses berpusat kepada data iklim.
iii. Data dan alatan yang diperoleh daripada penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk menilai kemungkinan kesan risiko dan peluang berkaitan iklim.

Penggunaan NSRF dalam kalangan institusi kewangan

Dengan kemajuan yang baik dari segi penghasilan penzahiran yang selaras dengan TCFD, sektor kewangan dilihat bersedia untuk menggunakan piawaian ISSB di Malaysia. BNM telah menyemak CRMSA PD[6] untuk menerapkan garis masa dan jangkaan tambahan yang ditetapkan di bawah NSRF untuk menghasilkan penzahiran berkaitan iklim yang selaras dengan ISSB secara berperingkat mulai tahun 2025. Semua institusi kewangan dijangka selaras dengan ISSB menjelang tahun 2027. Gambar Rajah 2 memberikan gambaran keseluruhan garis masa penggunaan NSRF bagi semua institusi kewangan.

[4] CRMSA PD menghendaki institusi kewangan untuk mengeluarkan penzahiran kewangan berkaitan iklim yang selaras dengan TCFD secara tahunan untuk tahun kewangan pada atau selepas 1 Januari 2024. Saranan TCFD menyediakan rangka kerja untuk syarikat menzahirkan maklumat tentang risiko dan peluang berkaitan iklim yang meliputi empat bidang teras, iaitu tadbir urus, strategi, pengurusan risiko, serta metrik dan sasaran, yang telah diterapkan dalam piawaian ISSB.
[5] Sebagai contoh, Global GHG Accounting and Reporting Standards yang dikeluarkan oleh Partnership for Carbon Accounting Financials (PCAF).
[6] Keperluan yang disemak dikeluarkan pada 17 Mac 2025.

Gambar Rajah 2: Garis Masa Penggunaan NSRF untuk Institusi Kewangan

Entiti yang Berkenaan		Garis Masa					
		2025	2026	2027	2028	2029	2030
Kumpulan 1	Institusi kewangan yang tersenarai dalam Pasaran Utama dengan permodalan pasaran (tidak termasuk saham perbendaharaan) sebanyak RM2 bilion dan ke atas pada 31 Disember 2024, atau pada tarikh penyenaraiannya selepas 31 Disember 2024	●	●	● ●	● ●	● ●	● ●
Kumpulan 2	Institusi kewangan yang tersenarai dalam Pasaran Utama (selain daripada Kumpulan 1)		●	●	● ●	● ●	● ●
Kumpulan 3	Semua institusi kewangan yang lain (selain daripada Kumpulan 1 dan 2)			●	●	● ●	● ●

● Penzahiran berkaitan iklim dengan bantuan peralihan bagi pelepasan GHG Skop 3.

● Penzahiran berkaitan kemampanan dan iklim dengan pelepasan GHG Skop 3 yang mandatori.

● Jaminan mandatori bagi pelepasan GHG Skop 1 dan 2 (tertakluk kepada perundingan lanjut ACSR).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan usaha yang sedang dilaksanakan oleh institusi kewangan untuk menggunakan penzahiran yang selaras dengan TCFD akan terus menjadi asas yang kukuh untuk institusi kewangan mematuhi piawaian ISSB yang dibangunkan berdasarkan saranan TCFD. Bagi memudahkan proses pelaporan, institusi kewangan boleh memanfaatkan inisiatif daripada PACE dan Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3).[7] Gambar Rajah 3 menunjukkan gambaran keseluruhan mengenai keperluan peningkatan untuk institusi kewangan beralih daripada TCFD kepada piawaian ISSB.

Gambar Rajah 3: Keperluan Peningkatan untuk Beralih daripada TCFD kepada Piawaian ISSB

Piawaian ISSB dibina berpandukan TCFD dengan penzahiran dan keperluan tambahan untuk maklumat lebih terperinci

Saranan TCFD

Menggariskan 4 tonggak asas:

Tadbir Urus – Menzahirkan proses, kawalan dan prosedur tadbir urus untuk memantau, mengurus dan menyelia risiko dan peluang berkaitan iklim (*climate-related risks and opportunities*, CRO)

Strategi – Menzahirkan kesan sebenar dan kemungkinan kesan CRO terhadap perniagaan, strategi dan pengurusan kewangan

Pengurusan Risiko – Menzahirkan proses untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus CRO

Metrik dan Sasaran – Menzahirkan metrik dan sasaran yang digunakan untuk menilai dan mengurus prestasi CRO

Piawaian ISSB

Dibangunkan berasaskan TCFD berserta jangkaan tambahan:

Menzahirkan maklumat kemampanan iklim dan maklumat lain yang penting – contohnya, biodiversiti dan alam semula jadi, pengurusan air dan sisa

Keperluan penzahiran tambahan – contohnya, penggunaan penzahiran dan metrik berasaskan industri, penzahiran berkaitan peluang selain risiko untuk pengurusan risiko

Maklumat yang lebih terperinci – untuk penzahiran berkaitan iklim dalam bidang pelan peralihan, penilaian daya tahan/analisis senario iklim, data bersepadu untuk pelepasan, penggunaan pengimbangan karbon dan sebagainya

Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] JC3 menawarkan pelbagai program pembangunan keupayaan untuk sepanjang tahun. Rujuk laman sesawang JC3 untuk capaian kepada acara akan datang dan sumber sedia ada termasuk Katalog Data Iklim.

NSRF menetapkan laluan yang jelas untuk penggunaan piawaian ISSB di Malaysia. Berlandaskan perkembangan usaha semasa, institusi kewangan dijangka terus mempertingkatkan penzahiran masing-masing, terutamanya mengenai pelepasan yang dibiayai (*financed emissions*).[8] Dalam hal ini, institusi kewangan boleh memainkan peranan yang penting untuk membantu pelanggan mereka menambah baik pengumpulan dan pelaporan data berkaitan iklim. Perkara ini akan mempertingkatkan pengumpulan data dan penzahiran meliputi rantaian nilai yang kekal mustahak untuk membolehkan institusi kewangan menguruskan risiko dan peluang berkaitan iklim dengan lebih baik.

Rujukan

Climate Financial Risk Forum (2023). Climate Disclosures Dashboard 2.0. Rujuk https://www.fca.org.uk/publication/corporate/cfrf-guide-2023-climate-disclosures-dashboard.pdf.

IFRS Foundation (2024). Progress on Corporate Climate-related Disclosures. Rujuk https://www.ifrs.org/content/dam/ifrs/supporting-implementation/issb-standards/progress-climate-related-disclosures-2024.pdf.

The World Bank and the Securities Commission Malaysia (2024). ESG Disclosure Assessment of Malaysia's Listed Companies and Recommendations for Policy Development. Rujuk http://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=f10ad514-1e79-4690-89d7-5683e441c907.

[8] Pelepasan yang dibiayai merujuk pelepasan GHG berkaitan pinjaman dan pelaburan yang dibuat oleh institusi kewangan.

Tambahan

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	ST2 2022	ST1 2023	ST2 2023	ST1 2024	ST2 2024*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	19.0	18.8	19.0	18.5	18.3
Nisbah Modal Kumpulan 1	15.8	15.7	15.9	15.4	15.3
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	15.2	15.1	15.4	14.9	14.8
Pulangan atas Aset[1]	1.4	1.3	1.2	1.3	1.4
Pulangan atas Ekuiti[1]	12.4	11.5	11.2	12.1	12.2
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	152.1	154.5	161.0	155.2	160.7
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih[2]	1.1	1.1	1.1	1.0	0.9
Caj Modal atas Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	0.9	1.0	1.0	1.3	1.3
Kedudukan Terbuka Bersih FX kepada Modal Asas	3.4	3.7	3.9	5.2	3.9
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	1.2	1.2	1.4	2.3	2.2
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	225.5	226.4	222.2	226.8	224.3
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)[3]	5.5	6.0	3.5	8.4	4.1
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	10.8	12.6	11.5	14.0	12.2
Nisbah Kecukupan Modal	216.4	217.5	211.2	219.9	215.5
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Operasi (RM bilion)	2.1	1.3	1.8	1.7	1.9
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	1.2	0.2	0.8	0.7	0.9
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	12.1	13.3	13.3	14.6	13.9
Nisbah Tuntutan	52.0	60.7	56.7	58.5	56.6
Nisbah Kecukupan Modal	249.5	250.0	253.0	242.5	248.1
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)	1,451.4	1,481.8	1,534.7	1,573.5	1,625.2
Aset Kewangan IR (RM bilion)	3,002.0	3,038.7	3,176.8	3,300.1	3,452.3
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	80.9	81.9	84.2	83.8	84.2
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	206.8	205.1	207.0	209.7	212.4
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	135.4	133.3	132.3	135.2	134.3
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bank + IKP)[4]	1.2	1.3	1.2	1.2	1.1
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bukan Bank)[5]	2.0	1.9	1.7	1.8	1.8
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	2.5	2.4	2.4	2.5	2.4
Pulangan atas Ekuiti	4.6	3.8	4.0	4.2	4.4
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	22.6	20.9	20.6	20.2	21.3
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	7.4	5.7	5.8	5.7	6.4
Margin Operasi	7.0	6.6	7.0	7.0	7.5
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan[4]	3.6	3.6	3.5	3.5	3.1
Institusi Kewangan Pembangunan[6]					
Pemberian Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	1.3	2.4	5.9	5.3	5.6
Deposit Digembleng (% perubahan)	3.9	1.8	-0.1	4.3	7.2
Nisbah Pinjaman Terjejas	5.5	5.9	5.6	6.0	5.6
Pulangan atas Aset	1.1	1.2	1.3	1.4	1.2

1 Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti dan diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik.
2 Berdasarkan pinjaman Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).
3 Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
4 Berdasarkan pinjaman Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9). Data merujuk kepada pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
5 Berdasarkan pinjaman yang tertunggak selama 3 bulan atau lebih. Mulai separuh kedua tahun 2024, siri data telah disemak untuk mengecualikan IKP. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
6 Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir				
	ST2 2022	ST1 2023	ST2 2023	ST1 2024	ST2 2024*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah Aset[1]	1,316,121.5	1,343,223.8	1,398,193.1	1,440,593.4	1,516,590.2
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1]	36.3	36.2	36.6	36.9	38.0
Jumlah Pembiayaan[1]	974,383.5	993,226.8	1,049,910.7	1,083,599.8	1,133,034.6
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan[1]	44.5	44.7	45.6	45.9	46.6
Jumlah Deposit dan Akaun Pelaburan[1]	1,058,671.8	1,075,999.2	1,121,986.4	1,148,306.9	1,197,989.6
Jumlah Deposit[1]	926,471.6	933,153.2	968,569.3	990,501.3	1,029,031.3
Jumlah Akaun Pelaburan[1]	132,200.2	142,845.9	153,417.1	157,805.6	168,958.2
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan[1]	41.6	41.6	42.0	42.3	43.2
	%				
Nisbah Jumlah Modal	18.9	18.2	18.0	17.9	17.9
Nisbah Modal Kumpulan 1	15.5	14.8	14.8	14.6	14.8
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.8	14.1	14.0	13.9	14.0
Pulangan atas Aset	1.3	1.0	1.0	1.1	1.1
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	1.0	1.1	1.1	1.0	1.0
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	49,864.4	52,461.9	55,631.9	59,749.8	59,681.2
Keluarga	43,645.1	45,969.0	48,476.1	52,274.9	51,645.6
Am	6,219.4	6,492.9	7,155.8	7,474.9	8,035.5
% daripada industri insurans dan takaful	13.4	13.7	14.0	14.2	13.9
Pendapatan Sumbangan Bersih	7,715.3	8,973.5	8,310.7	9,756.8	9,239.9
Keluarga	5,853.9	7,053.3	6,217.6	7,527.1	6,969.8
Am	1,861.4	1,920.2	2,093.1	2,229.6	2,270.1
% daripada industri insurans dan takaful	21.6	24.7	22.1	24.7	23.1
Takaful Keluarga					
Sumbangan Perniagaan Baharu	4,618.9	5,225.6	4,363.4	5,228.6	4,503.5
Takaful Am					
Sumbangan Langsung Kasar	2,407.2	2,679.0	2,764.4	2,960.4	2,940.9
Nisbah Tuntutan (%)	61.0	64.3	62.2	63.6	64.3

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia